

BAB 5

KETAKSAMAAN KELAS SOSIAL DALAM FILEM-FILEM TAMIL MALAYSIA


5.0. Pengenalan

Satu lagi perkara yang membentuk ketaksamaan sosial adalah kedudukan kelas (kelas sosial). Kelas sosial merupakan perkara yang menilai kedudukan seseorang individu berdasarkan pencapaiannya dalam bidang ekonomi (Leon, 2008, p.563). Biasanya kedudukan kelas sosial seseorang individu yang diperoleh daripada perkembangan dalam bidang ekonomi adalah unsur penting yang dapat mengubah kedudukan mereka dalam kehidupan sosial (Toennies, 1968, p.16). Manusia dikatakan boleh lahir dalam mana-mana kelas sosial. Pada masa yang sama mereka juga boleh mencapai mana-mana kedudukan kelas sosial dalam kehidupan mereka. Dengan ini dapatlah dikatakan bahawa kelas adalah sesuatu yang tidak kekal kepada individu (Rohana Yusuf, 2010, p.223). Justeru itu, kedudukan kelas sosial ini dapatlah ditafsirkan sebagai unsur yang terhasil daripada usaha individu dalam meningkatkan taraf dalam ekonomi (Bottomore, 1966, p.16).

Bab ini direka bentuk untuk menggambarkan ketaksamaan sosial yang wujud daripada kedudukan kelas. Hal ini diteliti berdasarkan adegan-adegan dalam FFTM (filem-filem Tamil Malaysia) yang dipilih dalam kajian semasa. Sepertimana bab 4, bab ini juga

dimulakan dengan penjelasan konsep secara ringkas terhadap subjek perbincangan. Hal ini diikuti dengan penjelasan tentang adegan-adegan dalam FTMM yang berkaitan dengan aspek kelas sosial (data). Setelah itu, analisis pula dilakukan berdasarkan adegan-adegan tersebut. Rajah berikut kerangka keseluruhan bab semasa.

Rajah 5.1: Kerangka perbincangan kelas sosial



Kajian dalam bab semasa tertumpu kepada aspek ekonomi. Hal ini kerana, ekonomi adalah asas kepada pembentukan kedudukan kelas dalam kehidupan sosial. Dalam bahagian ini, kewujudan kelas sosial diteliti berdasarkan beberapa subjek perbincangan tertentu yang telah dipilih berdasarkan penelitian terhadap FFTM. Dalam pada ini, empat unsur yang mempengaruhi kewujudan kelas sosial telah dikenal pasti. Ini termasuklah pendapatan,

kehidupan orang kaya, kehidupan orang miskin dan peranan kelas sosial dalam perkahwinan orang India.

Unsur pendapatan dibincangkan dalam tiga topik iaitu pendapatan yang diperoleh oleh pekerja biasa, pendapatan golongan berpendidikan dan pendapatan golongan peniaga dalam membentuk kelas sosial. Manakala kehidupan orang miskin dan orang kaya diteliti berdasarkan cara hidup mereka sepertimana yang digambarkan dalam FFTM. Dalam pada hal ini, pakaian, pengangkutan dan tempat tinggal mereka adalah tiga ciri didapati menonjol dalam menentukan kelas sosial kehidupan kedua-dua golongan tersebut. Oleh yang demikian ketiga-tiga ciri ini telah dijadikan sebagai perkara-perkara yang membawa perbezaan kehidupan sosial dalam kelompok masyarakat India Malaysia.

Seterusnya, pertimbangan kelas sosial dalam perkahwinan orang India Malaysia juga turut dianalisis pada bahagian ini. Kedudukan kelas sosial yang membentuk perbezaan antara individu dikaji berdasarkan persoalan bagaimana hal ini menjadi suatu kriteria dalam menentukan jodoh dalam perkahwinan.

Kesemua topik perbincangan yang dipilih dalam bahagian ini adalah ditentukan berdasarkan penelitian terhadap adegan-adegan dalam FFTM yang dipilih bagi kajian semasa. Subjek kajian pula berfokus kepada, ketaksamaan sosial yang terhasil daripada kedudukan kelas dalam kalangan kelompok masyarakat India Malaysia.

5.1. Ekonomi

Ekonomi adalah suatu aspek yang penting untuk menentukan kedudukan kelas dalam kehidupan sosial. Kelas sosial individu adalah ditentukan berdasarkan pencapaian kedudukan ekonomi sama ada berada pada kedudukan kelas atasan, rendah mahupun bawah (Weber, 1968, pp.21-22). Dari sudut sains sosial pula, ekonomi ditafsirkan sebagai suatu aktiviti yang dilakukan oleh individu dan kumpulan masyarakat untuk memperoleh kepuasan dalam aspek kebendaan dan kemewahan (Stavros Ioannides & Klaus Nielsen, 2007, p.9).

Ekonomi pada dasarnya adalah suatu aspek yang asas kepada individu dalam usaha memenuhi keperluan asas dan juga untuk memperoleh kehendak dalam kehidupan mereka. Pada masa yang sama ekonomi juga memainkan peranan penting dalam membentuk kelas sosial seseorang individu. Pendapatan dan pemilikan harta benda (kemewahan) adalah dua perkara yang asas dalam menentukan kedudukan kelas sosial seseorang individu dalam kehidupan mereka (Kerbo, 2012, p.21).

5.2. Pendapatan

Pendapatan adalah suatu perkara yang penting dalam ekonomi. Pendapatan ditafsirkan sebagai ganjaran yang diperoleh daripada kerja yang telah dilakukan oleh seseorang individu. Ganjaran yang diperoleh daripada kerja dirujuk dengan istilah gaji dan ia adalah suatu ciri kehidupan yang penting sebahagian besar manusia (Rohana Yusuf, 2010, p.225). Pendapatan juga adalah alat untuk mengukur kedudukan ekonomi seseorang individu (Wolff, 2008, p.8). Pendapatan antara seseorang individu dengan individu yang lain adalah tidak sama dan hal ini juga ditentukan berdasarkan kebolehan seseorang. Pada masa yang sama, pendapatan juga boleh meningkat berdasarkan kepakaran yang dimiliki oleh seseorang individu (Henry, 1938, p.50).

Selain daripada gaji, pendapatan ini juga diperoleh dalam bentuk-bentuk yang lain. Ini termasuklah perniagaan (Mark Rider, 2008, p.603), bayaran insurans, dividen daripada pelaburan saham, faedah daripada simpanan wang, gaji saraan dan sebagainya (Judah Matras, 1975, p.28).

Pendapatan yang menjadi asas kepada ekonomi membentuk ketaksamaan sosial dalam kalangan individu dan juga mewujudkan berbezaan dalam kalangan kelompok masyarakat. Dalam bahagian ini aspek pendapatan dianalisis berdasarkan tiga perkara iaitu pendapatan oleh pekerja biasa, pendapatan yang diperoleh daripada tahap pencapaian pendidikan dan pendapatan perniagaan yang menentukan kedudukan kelas sosial masing-masing.

5.2.1. Golongan Pekerja Biasa

Kerja adalah suatu aspek yang penting dalam kehidupan sosial kerana ia memainkan peranan penting dalam pertumbuhan ekonomi seseorang individu. Manusia dikatakan meluangkan satu pertiga jangka masa hayat mereka untuk alam kerja (Gross, 1958, p.3). Pekerjaan dikatakan salah satu faktor asas antara tiga faktor yang memainkan fungsi utama dalam pengeluaran selain daripada modal dan tanah (Ben Kriench, 2008, p.300). Pekerjaan pada umumnya ditafsirkan sebagai aktiviti yang dilakukan dengan menggunakan tenaga fizikal dan mental untuk memenuhi keperluan dan kehendak hidup seseorang manusia (Affin Haji Zainal, 1985, pp.2-3). Kerja memberikan pendapatan kepada pekerja dalam bentuk gaji dan lain-lain bentuk ganjaran.

Selain itu, kerja juga menentukan kedudukan kelas seseorang individu. Perkara ini bergantung pada jumlah pendapatan yang diperoleh oleh seseorang individu yang ditentukan mengikut tahap pengeluaran dan kemahiran. Pada masa yang sama, seseorang individu juga mendapat kedudukan sosial berdasarkan pekerjaan yang dilakukannya. Oleh yang demikian dapatlah dikatakan bahawa pekerjaan yang menjadi asas kepada pendapatan menentukan kedudukan kelas seseorang individu dalam kehidupan sosial (Gross, 1958, p.3). Dalam bahagian ini kedudukan kelas pekerja dibincangkan berdasarkan golongan yang dikategorikan sebagai golongan pekerja biasa ataupun buruh.

5.2.2. Maklumat Tentang Golongan Pekerja Biasa Dalam FFTM

Kajian menunjukkan bahawa empat daripada tiga belas FFTM seperti yang dimuatkan dalam jadual berikut mengandungi maklumat mengenai aspek golongan pekerja biasa.

Jadual 5.1: Maklumat aspek golongan pekerja biasa dalam FFTM.

No	Filem	Golongan Pekerja Biasa
1	<i>Chemman Chaalai</i>	√
2	<i>Aandal</i>	
3	<i>Uyir</i>	
4	<i>Ethirkalam</i>	
5	<i>Chalanggai</i>	√
6	<i>Vajram</i>	
7	<i>Adutha Khatam</i>	
8	<i>Ops Kossa Dappa 3</i>	√
9	<i>Kaliyugha</i>	
10	<i>Olli</i>	
11	<i>Olipathivu</i>	
12	<i>Dhusrajanam</i>	√
13	<i>Maraimugam</i>	

Filem *Chemman Chaalai* merupakan sebuah filem yang menggambarkan tentang kehidupan masyarakat di kawasan ladang. Filem ini sepenuhnya memaparkan keadaan, suasana dan taraf kehidupan golongan pekerja ladang yang kurang / tidak berpendidikan. Dalam filem ini, ibu bapa Shalu adalah penoreh getah. Dalam sebuah adegan dalam filem ini emak Shalu digambarkan memberitahu kepada suaminya bahawa beliau telah memulangkan duit yang telah dipinjamkan daripada jirannya (00:22:55). Dalam sebuah lagi senario ayah Shalu digambarkan pergi ke pajak gadai untuk menggadaikan rantai emas

isterinya bagi menampung kos perbelanjaan perkahwinan anak perempuan mereka (00:32:15).

Watak Shalu (wirawati) yang merupakan seorang pelajar sekolah digambarkan membuat kerja sampingan di sebuah kedai tukang jahit untuk menampung kos perbelanjaan keluarga kerana pendapatan ibu bapanya tidak cukup (00:26:05). Dalam sebuah lagi adegan, emak Shalu digambarkan menyatakan bahawa pendapatan keluarga adalah tidak mencukupi untuk menampung pendidikan tingginya. Oleh yang demikian, beliau meminta agar Shalu berhenti pendidikannya setakat sekolah menengah (00:44:20).

Seterusnya, dalam filem *Chalenggai*, watak Siva digambarkan sebagai seorang pekerja biasa di sebuah pusat pencuci kereta kerana berhenti dari sekolah dan tidak menyempurnakan alam persekolahannya. Dalam sebuah adegan filem tersebut, watak Siva digambarkan meminta bantuan kewangan daripada emaknya (Muniamma) untuk membelikan sebuah motosikal. Tetapi emaknya pula menyatakan bahawa beliau hanya mempunyai duit untuk perbelanjaan keluarga sahaja dan meminta agar Siva membelikan motosikal daripada gajinya. Manakala Siva pula menyatakan bahawa gajinya adalah sedikit dan tidak cukup untuk membeli sebuah motosikal (00:21:51). Dalam sebuah lagi situasi, Siva digambarkan menghadapi masalah kewangan kerana telah tersilap melanggar sebuah kereta yang dihantar oleh pemiliknya untuk dicuci di pusat pencucian kereta. Siva yang tidak mampu untuk membayar pampasannya cuba mencuri dompet seorang wanita untuk menyelesaikan masalah wang yang dihadapinya (01:06:45).

Seterusnya, dalam filem *Ops Kossa Dappa 3*, watak Paandi (seorang penunjuk jalan di hutan) digambarkan sebagai seorang yang miskin kerana tiada pekerjaan tetap. Dalam sebuah situasi beliau digambarkan menasihati ejan-ejan 4SS tentang keadaan bahaya di hutan. Tetapi mereka pula digambarkan tidak melayani Paandi dan tidak mengambil berat tentang kata-kata beliau kerana mereka memandang rendah terhadap diri beliau atas sebab kedudukan yang membuat kerja biasa (01:43:15).

Filem *Dhusrajanam* adalah sebuah filem yang menggambarkan tentang kehidupan watak Kuttan (wira) yang merupakan seorang anak yatim piatu dan miskin. Dalam filem ini Kuttan digambarkan bekerja di sebuah kandang kambing dan makan di kandang kambing tersebut (01:06:00). Dalam sebuah lagi adegan Kuttan digambarkan hanya makan nasi putih sahaja kerana kakak angkatnya tidak memberikan apa-apa makanan lain dan menyatakan bahawa Kuttan tidak membawa apa-apa pendapatan kepada keluarganya (00:39:30). Dalam filem tersebut watak Kuttan adalah seorang peminat badminton. Beliau digambarkan ingin membeli peralatan permainan badminton tetapi tidak mampu dengan gaji yang kecil di tempat kerjanya. Oleh yang demikian Kuttan telah memperbaiki sebuah raket yang lama dan memakai kasut rosak yang telah diperoleh daripada tong sampah (00:27:20).

5.2.3. Analisis

Pekerjaan seseorang individu biasanya ditetapkan daripada pelbagai aspek seperti tahap pendidikan, kemahiran, pengalaman, tahap kesihatan dan sebagainya. Pekerja biasa dirujuk

sebagai golongan separuh mahir dalam bidang pilihan mereka. Mereka juga adalah golongan yang lebih memberikan keutamaan kepada pekerjaan yang berkaitan dengan kebolehan fizikal. Kelas pekerja ini biasanya terdiri daripada pekerja kilang, pekerja kontra, pemandu lori, taksi, bas, tukang kebun dan sebagainya. Dari segi tahap pendidikan pula mereka berpendidikan asas sahaja seperti pendidikan sekolah rendah dan sekolah menengah dan ada juga yang buta huruf. Kelompok masyarakat kelas ini didapati bekerja lebih masa untuk menampung saraan hidup harian (Hurst, 1992, pp.14-15).

Sebagai contohnya, sebuah karya klasik sangam (300sm-300m) menggambarkan kehidupan seorang penternak kambing. Dalam puisi tersebut penyajak menyatakan bahawa penternak kambing tersebut tinggal di sebuah rumah yang biasa dan mendengar nyanyian seorang pemuzik (*Purananuuru*, 324: 1-12). Manakala golongan masyarakat pada zaman sangam seperti *paanar* adalah digambarkan sebagai golongan pemuzik yang menghiburkan masyarakat. Mereka biasanya tidak menetap di satu tempat secara berterusan. Kerja utama mereka adalah menghiburkan golongan raja dan orang kaya melalui muzik. Dengan itu golongan tersebut akan mendapatkan ganjaran sebagai pendapatan mereka. Oleh yang demikian mereka ini juga dikatakan sebagai golongan yang tidak mempunyai pendapatan tetap dan kehidupan mereka juga adalah dalam keadaan miskin pada zaman tersebut (Thatchinamurthy, 2008, pp.64). Dengan ini dapatlah dikatakan bahawa golongan pekerja biasa pada zaman sangam tidak berpeluang untuk menikmati kehidupan yang selesa.

Jika dilihat pada sejarah kedatangan orang India ke Tanah Melayu pada zaman penjajahan British, majoriti daripada mereka ini adalah golongan pekerja biasa yang dibawa untuk menampung kekurangan tenaga kerja di kawasan ladang (Sandhu, 1993, p.151).

Pada zaman tersebut masyarakat ladang didapati menghadapi pelbagai masalah kemiskinan seperti ketiadaan pendapatan yang secukupnya, ketiadaan kemudahan perumahan, makanan yang tidak sihat dan sebagainya (Susan Oorjitham, 1993, p.506). Pada zaman tersebut walaupun wujud peniaga dan pekerja profesional dalam kalangan orang India, tetapi majoriti daripada mereka ini adalah terdiri daripada pekerja biasa. Sila lihat jadual di bawah:-

Jadual 5.2: Pembahagian pekerja orang India dalam peratus di Malaysia.

Bidang/Pekerjaan	1957	1970	1980
Pengurusan	1.0	0.8	0.7
Kepakaran dan teknikal	2.4	4.9	5.8
perkeranian	4.0	8.1	4.6
Perniagaan dan pekerja dalam perniagaan.	10.0	9.5	7.1
Perkhidmatan sivil	7.6	10.9	8.8
Pekerja biasa di ladang/kilang/pengangkutan	74.8	65.7	73.0

Sumber: Daripada “The Indian Poor in Malaysia Problems and Solution” p.407 oleh Jayakumar, 1993, *Indian Communities In Southeast Asia*, Singapore: Institute of Southeast Asia Studies.

Jadual tersebut dengan jelasnya menunjukkan keadaan di mana kebanyakan orang India pada masa tersebut adalah daripada golongan pekerja biasa. Jadual tersebut juga tidak menggambarkan suatu perbezaan ketara dalam peratus pekerja dari tahun 1957 hingga 1980. Bukan itu sahaja, malah gaji mereka juga adalah begitu kecil berbanding dengan kaum lain.

Jadual 5.3: Kadar upah sehari (sen) pekerja ladang yang ditetapkan oleh Plantation Assosiation of Malaya (UPAM).

Tahun	Buruh India (sen)	Buruh Cina (sen)
1929	50-55	85-90
1930	40-42	50-60
1931	25-30	30-40
1932	20-25	20-25
1934	35-40	50-60
1937	40-45	80-100

Sumber: *The State Unions And Plantation Labour In Malaysia*, p.34, oleh Ramasamy, 1994, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

Keadaan ini dengan jelasnya menggambarkan ketidakseimbangan pembayaran gaji antara orang India dan Cina pada zaman tersebut di mana gaji orang Cina adalah jauh lebih tinggi berbanding dengan orang India. Kemudian melalui perjanjian Malaysian Agricultural Producers Assosiation (MAPA), gaji penoreh getah telah dinaikkan kepada RM 116.60 pada tahun 1970. Pada tahun 1981 pula gaji ini dinaikkan kepada RM 216.96 (Jayakumar, 1993, p.410).

Walau bagaimanapun kenaikan gaji yang minimum ini tidak membawa perubahan besar dalam kehidupan orang India di ladang. Hal ini telah membuatkan mereka tidak berpeluang untuk memiliki harta benda dan menghadapi pelbagai masalah sosial dan tekanan kehidupan. Dalam pada itu, masalah pendidikan dilihat sebagai suatu isu yang serius (Anbarasan Kathirvaloo, 1982, p.21). Dalam sebuah kajian tentang pendidikan pelajar India di ladang, T.Marimuthu (1984, pp.265-268) menyatakan bahawa sekitar tahun 70-an dan 80-an, kebanyakan pelajar India dari ladang telah tercicir daripada sekolah berbanding dengan kaum lain. Punca utamanya adalah masalah kemiskinan.

Hal inilah yang digambarkan dalam filem *Chemman Chaalai*, di mana watak Shalu diminta oleh ibunya untuk diberhentikan sekolahnya di peringkat sekolah menengah kerana keluarganya tidak mampu menanggung kos perbelanjaan pendidikannya. Dalam filem tersebut ibu Shalu turut menyatakan bahawa pendapatan keluarga yang begitu sedikit harus dibahagikan untuk memberikan pendidikan kepada anak-anak yang lain juga. Hal ini merupakan suatu masalah yang dihadapi pada masa tersebut di mana purata pendapatan sesuatu keluarga India pada masa tersebut adalah lebih rendah dan tidak mencukupi. Sila lihat jadual di bawah:-

Jadual 5.4: Pendapatan kasar bulanan isi rumah purata Masyarakat India Malaysia, 1970-1989

Tahun	1970	1974	1976	1979	1984	1987	1989
Purata Pendapatan	304	408	538	756	1,107	1,105	1,209

Sumber: <http://www.epu.gov.my/documents>, dirujuk pada 15/5/2014, pukul 8.00am.

Pendapatan yang lebih rendah ini juga didapati telah menimbulkan masalah-masalah lain dalam kalangan masyarakat India seperti kehidupan yang tidak berkualiti, masalah kesihatan, simpanan masa depan yang rendah, kurang pemilikan harta benda, meminum arak dan sebagainya. Keadaan ini telah merendahkan taraf kehidupan orang India yang terpaksa meminjam duit daripada saudara, menggadaikan emas di kedai pajak dan sebagainya untuk melaksanakan aktiviti keluarga yang lain seperti perkahwinan, menyambut perayaan dan sebagainya (Jayakumar, 1993, p.418).

Hal ini pula dengan jelasnya digambarkan dalam filem *Chemman Chaalai*, di mana ibu Shalu digambarkan memulangkan duit yang telah dipinjamkan daripada jiran. Ayah Shalu pula digambarkan merancang untuk menggadaikan rantai emas di kedai pajak untuk melangsungkan perkahwinan anaknya. Dengan ini dapatlah dikatakan bahawa apa yang digambarkan dalam FFTM adalah menyatakan tentang kehidupan orang India ladang pada masa tersebut tepat dengan kehidupan masyarakat India Malaysia di ladang.

Jadual pendapatan di atas memang menggambarkan peningkatan gaji orang India di Malaysia. Tetapi ini bukan bermaksud bahawa kehidupan golongan buruh India pada zaman ini telah berubah. Walaupun pendapatan golongan pekerja ini didapati telah meningkat tetapi hal ini tidak membawa sebarang perubahan yang besar dalam kehidupan orang India Malaysia. Hal ini kerana kos perbelanjaan kehidupan juga sama-sama telah meningkat.

Keadaan ini masih berterusan dalam kalangan kelompok masyarakat India Malaysia. Sebagai contohnya, sepertimana yang telah ditetapkan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia, gaji bulanan seorang pemandu kerajaan yang mempunyai kelulusan PMR (gred H11) adalah sebanyak RM 837.00 sebulan. Kenaikan tahunan adalah RM 80.00. Gaji maksimum yang boleh dicapai adalah RM 2,619.00 (<http://www.spa.gov.my>, dirujuk pada 20/6/2015, pukul 11.45am). Tetapi purata perbelanjaan sesuatu keluarga, melebihi gaji minimum ini. Sila lihat jadual di bawah:-

Jadual 5.5: Perbelanjaan bulanan purata setiap isi rumah mengikut strata, 2004/05 dan 2009/10

No	Kumpulan Perbelanjaan	2004/2005 (RM)	2009/2010 (RM)
1.	Makanan dan minuman bukan alkohol	393	444
2.	Minuman alkohol dan tembakau	35	48
3.	Pakaian dan kasut	59	75
4.	Perumahan, air, elektrik, gas dan bahan api lain	430	495
5.	Hiasan, perkakasan dan penyelenggaraan isi rumah	83	89
6.	Kesihatan	27	29
7.	Pengangkutan	314	327
8.	Komunikasi	103	124
9.	Perkhidmatan rekreasi dan kebudayaan	92	101
10.	Pendidikan	38	31
11.	Restoran dan hotel	213	239
12.	Pelbagai barang dan perkhidmatan	167	190
13.	Perbelanjaan bulanan purata setiap isi rumah	1,953	2,190

Sumber: *Buku Maklumat Perangkaan Malaysia*, 2011, pp.41-42.

Jadual ini dengan jelasnya menggambarkan purata perbelanjaan isi rumah keluarga bulanan. Jadual ini juga menunjukkan bahawa kos perbelanjaan ini semakin meningkat di mana kos perbelanjaan dalam jangka masa lima tahun telah meningkat sebanyak RM 237.00. Perkara yang disenaraikan dalam jadual di atas hanya menggambarkan kos perbelanjaan yang asas dalam kehidupan. Hal ini tidaklah termasuk dengan pelbagai bayaran hutang dan bayaran ansuran dalam institusi keluarga seperti insurans, kereta, lawatan di dalam dan luar negara dan sebagainya. Tetapi pendapatan minimum pekerja biasa yang mempunyai kelulusan PMR mengikut tangga gaji kerajaan adalah hanya RM 837.00.

Keadaan ini pula menjadi lebih rumit kepada para pekerja biasa di sektor swasta kerana pekerjaan mereka adalah tidak tetap dan tidak terjamin. Keadaan ini juga menjadi lebih teruk dengan kedatangan pendatang asing dan PATI untuk memenuhi peluang

pekerjaan biasa dalam syarikat-syarikat swasta (Mohamed Sabid Bin Abdullah, 2007, p.57). Pada bulan Disember 2007, seramai lima puluh orang pekerja biasa tempatan diberhentikan oleh pihak pengurusan sebuah kilang pembuatan di Seremban. Syarikat tersebut telah menggantikan pekerja tempatan dengan pekerja asing kerana kos gaji adalah lebih murah berbanding dengan pekerja tempatan (Akhbar *Malaysia Nanban*, 15/12/2007, p.4). Berita ini dengan jelasnya menggambarkan kehidupan pekerja swasta yang bukan sahaja memperoleh pendapatan yang kecil tetapi mempunyai risiko penetapan kerja yang tinggi dalam kehidupan sosial mereka.

Contoh ini dengan jelasnya menggambarkan kedudukan seseorang pekerja biasa dalam kelas sosial yang tidak mampu memenuhi kehendak kehidupan harian mereka. Keadaan kehidupan pekerja biasa ini digambarkan dengan secara terperinci dalam FFTM seperti *Chemman Chaalai* (gadai rantai emas, meminjam duit daripada jiran & bekerja pada alam persekolahan), *Chalanggai* (tidak mampu membeli sebuah motosikal & mencuri untuk menyelesaikan masalah kewangan yang dihadapi), *Dushrajanam* (berkerja di kandang kambing yang dilayani seperti hamba dan makan di sana serta tidak mempunyai duit yang secukupnya untuk membeli barangan asas).

Seseorang individu sudah tentu akan menghadapi masalah-masalah yang disebut di atas jika pendapatannya kurang daripada kos perbelanjaan. Bukan itu sahaja, hal ini juga akan membuka ruang kepada seseorang individu untuk melibatkan diri dalam aktiviti-

aktiviti jenayah untuk memenuhi keperluan dan kehendak harian mereka (Kumarasamy Thannimalai, 2011, p.136).

Dengan ini dapatlah dikatakan bahawa pekerja biasa tidak berpeluang untuk menikmati satu bentuk kehidupan sosial yang sempurna. Maka hal ini juga akan menjadi asas kepada kewujudan ketaksamaan sosial dalam kalangan sesuatu kelompok masyarakat. Hal ini sedemikian kerana pendapatan ini menjadi sebuah alat dalam mengukur kedudukan ekonomi bagi menentukan kedudukan kelas sosial yang membawa kepada ketaksamaan sosial (Wolff, 2008, p.8). Namun demikian perbandingan ini hanyalah dapat dilihat dengan jelas apabila dibandingkan dengan masyarakat dalam kelas sosial yang lain kerana unsur perbandingan itu sendiri adalah suatu kriteria dalam menentukan ketaksamaan sosial (Kerbo, 2012, p.9).

Golongan pekerja biasa ini tidak akan berpeluang tinggi untuk melihat ketaksamaan sosial dalam kehidupan dengan masyarakat yang sama taraf dengan mereka. Ia hanya lebih ketara dirasakan apabila dibandingkan dengan kelas sosial yang lain (Kerbo, 2012, p.9). Sebagai contohnya, masyarakat di ladang tidak merasakan secara ketara ketaksamaan kelas dalam kehidupan sosial mereka kerana hampir semua penduduk dalam kawasan kediaman tersebut mempunyai jumlah pendapatan yang sama.

Walaupun ketaksamaan ini tidak kelihatan secara ketara tetapi kewujudannya tetap ada. Perkara inilah yang digambarkan dalam filem *Chemman Chaalai*, di mana ibu Shalu digambarkan telah meminjam duit daripada jirannya. Kemudian beliau memulangkan duit tersebut kerana jirannya telah menyatakan kepada rakanya bahawa anak-anak orang yang telah meminjam duit daripadanya mendapat keputusan yang lebih baik dalam peperiksaan berbanding dengan anak sendiri. Kenyataan ini secara tidak langsung menggambarkan keadaan di mana kedudukan pemiutang adalah lebih tinggi kelasnya berbanding dengan penghutang. Keadaan ini menggambarkan kewujudan ketaksamaan sosial dalam kalangan masyarakat yang ada pada satu kedudukan kelas sosial. Walaupun hal ini tidak begitu dititikberatkan, tetapi kewujudan ketaksamaan sosial ini tetap ada dalam kalangan mereka.

Teori struktural-fungsi menyatakan bahawa ganjaran yang diberikan kepada seseorang individu dalam struktur sosial adalah ditentukan daripada fungsi yang dimainkan. Kepentingan. Kepakaran dan kelulusan juga memainkan peranan dalam menentukan ganjaran individu. Biasanya pekerjaan ini adalah dikategorikan sebagai jawatan yang umum. Jawatan ini merupakan kedudukan yang senang untuk diperolehi, tidak perlu dipertandingkan kerana tidak mementingkan kepakaran dan kelulusan akademik yang spesifik. Maka kepentingan terhadap golongan ini juga adalah rendah (George Ritzer, 1992, pp.235-236).

Berdasarkan teori ini, kedudukan golongan pekerja biasa ini didapati berada pada tahap yang rendah. Manakala teori ini juga memberikan makna kepada keadaan ini.

Berdasarkan teori ini walaupun golongan pekerja biasa ini mengetahui kedudukan mereka yang membawa ketaksamaan sosial dalam kehidupan, tetapi mereka masih menerima hakikat tersebut kerana justifikasi yang dikemukakan melalui teori ini adalah munasabah.

Secara kesimpulannya dapatlah dikatakan bahawa kehidupan golongan pekerja biasa adalah suatu bentuk kehidupan yang rendah tarafnya. Hal ini adalah suatu aspek ketaksamaan sosial yang tidak dapat dielakkan dalam kalangan kelompok masyarakat. Sebenarnya seseorang individu adalah berpeluang untuk meningkatkan taraf kelas sosialnya kepada tahap yang diinginkan. Hal ini kerana kelas adalah sesuatu tahap yang boleh dicapai oleh mana-mana pihak. Dengan ini, seseorang individu berpeluang tinggi untuk mengubah kedudukan kelasnya dari bawah ke atas.

5.2.4. Pendapatan Daripada Pendidikan

Pendidikan adalah asas kepada pembangunan diri seseorang individu mahupun negara. Pendidikan melahirkan generasi ilmuwan yang berfikir. Generasi berfikir adalah generasi yang dapat mencari jalan untuk meningkatkan produktiviti dalam sesuatu negara (Mankiw, 2008, p.419). Justeru itu, dapatlah dikatakan bahawa pendidikan bukan sahaja memainkan peranannya dalam usaha melahirkan masyarakat yang berfikir tetapi juga secara langsung

menyumbangkan kepada produktiviti dan pertumbuhan ekonomi negara (Pillay, 2010, p.21).

Pendidikan dipercayai menjamin kedudukan ekonomi seseorang individu dalam institusi pekerjaan kerana mereka yang berpendidikan tinggi berpeluang untuk memperoleh pendapatan yang lebih tinggi berbanding dengan mereka yang kurang berpendidikan dan tidak berpendidikan (Mankiw, 2008, p.419). Sebab itulah pendidikan dikatakan sebagai pelaburan yang baik dalam dunia ekonomi (Kendrick W & Kendrick B, 1988, p.70). Manakala tahap pendapatan yang diperoleh berdasarkan tahap pencapaian pendidikan pula akan mewujudkan kedudukan kelas dalam kehidupan sosial antara individu.

5.2.5. Maklumat Aspek Pendapatan Daripada Pendidikan Dalam FFTM

Kajian menunjukkan bahawa hanya tiga buah filem iaitu *Chemman Chaalai*, *Ethirkalam* dan *Chalanggai* memuatkan maklumat mengenai aspek pendapatan daripada pendidikan. Dalam sebuah adegan filem *Chemman Chaalai*, watak Loges (adik Shalu) digambarkan menyatakan pada Shalu bahawa satu hari nanti setelah Shalu menjadi graduan dan bekerja sebagai seorang doktor, maka kehidupannya akan berubah kepada keadaan yang baik (00.42.00). Manakala dalam sebuah lagi adegan watak Shalu (wirawati) menyatakan pada rakanya Naren bahawa setelah menjadi graduan dia akan menstabilkan kedudukan

ekonominya dan akan berkhidmat kepada anak-anak di ladang tersebut untuk berjaya dalam pendidikan mereka (01.05.00).

Seterusnya, dalam filem *Ethirkalam* pula, ayah Kathir digambarkan menasihati anaknya Kathir (wira) supaya menjadi seorang graduan untuk mendapat kerja (00.23.00). Dalam situasi yang lain pula, watak Kathir dibuang daripada kolej kerana ditahan oleh polis atas tuduhan aktiviti gengsterisme. Ayah Kathir yang mengetahui hal ini menjadi sedih lalu menyatakan pada isterinya bahawa Kathir telah kehilangan masa depannya yang cerah (02.02.50).

Aspek yang sama turut kelihatan dalam filem *Chalanggai*. Dalam filem tersebut Anak Muniamma (Siva) digambarkan menamatkan persekolahannya dan bekerja sebagai seorang pencuci kereta di sebuah pusat cucian kereta. Dalam keadaan tersebut seorang rakan Muniamma yang mengetahui hal ini memberikan nasihat kepada Muniamma supaya hantar anaknya ke mana-mana institut akademik untuk mengambil sesuatu kursus kemahiran bagi menikmati masa depan yang baik (00.05.27).

5.2.6. Analisis

Adegan-adegan yang digambarkan dalam tiga FFTM, memuatkan perkara-perkara yang berkaitan dengan kepentingan pendidikan dalam kehidupan sosial dalam menjamin kedudukan ekonomi. Pendidikan bukan sahaja memainkan peranan sebagai unsur yang memberikan ilmu tetapi turut berfungsi sebagai perkara yang boleh mengubah taraf hidup mereka dari segi ekonomi (Ravi Samuel, 2011, p.3). Pendidikan dilihat sebagai suatu instrumen penting dalam membina kelas sosial seseorang individu kerana ia adalah cara terbaik untuk membasmi kemiskinan dan meningkatkan taraf hidupnya dalam ekonomi (Sufean Hussin, 1993, p.488).

Karyawan Agong Tamil Thiruvalluvar telah menghasilkan sepuluh buah kuplet tentang kepentingan pendidikan dalam kehidupan manusia. Pada puisi yang kesepuluh beliau telah merujuk pendidikan sebagai harta yang paling bernilai berbanding dengan kemewahan yang lain kerana ia adalah kekal selama-lamanya dan membawa segala kebaikan kepada diri seseorang individu (*Thirukkural*, 400). Manakala sebuah lagi karya kesusasteraan zaman sangam (300sm-300m) pula menyatakan bahawa orang yang berpendidikan boleh hidup di mana-mana jua kerana pendidikan itu boleh membawa pendapatan dan tidak harus bergantung pada mana-mana pihak lain secara berterusan (*Puranaanuuru*, 11: 10-13).

Walau bagaimanapun tidak dapat dinafikan bahawa pada zaman sangam terdapat juga golongan ilmuwan yang telah mengalami penderitaan dalam kehidupan mereka. Hal ini terbukti daripada puisi yang dihasilkan oleh penyair Perunjcitiranar, yang menggambarkan keadaan keluarganya miskin. Namun demikian beliau digambarkan tetap berpegang pada maruah dirinya yang tidak menerima sebarang hadiah daripada Raja yang telah melambatkan usaha melayani ilmuwan tersebut (*Puranaanuuru*, 208: 6-9). Pada zaman sangam, ilmu tidaklah dilihat sebagai instrument yang boleh membawa pendapatan. Pendidikan lebih berfungsi sebagai bahan ilmu yang melahirkan golongan cendekiawan.

Pada zaman moden ini pendidikan bukan hanya dilihat sebagai perkara yang melahirkan para ilmuwan sahaja tetapi memainkan peranan penting dalam pelbagai bidang termasuk ekonomi (Ravi Samuel, 2011, p.3). Kepentingan pendidikan dalam pelbagai bidang ini telah meningkatkan permintaan golongan cendekiawan yang mempunyai kepakaran dalam bidang-bidang tertentu untuk membuat penemuan baru dan membangunkan bidang-bidang tersebut. Dengan itu, ganjaran kepada ilmuwan juga telah berubah menjadi pendapatan utama kepada golongan berpendidikan. Benjamin Franklin (2010, p.91), menyatakan bahawa pendidikan adalah pelaburan yang terbaik. Kenyataan tersebut dengan jelasnya menggambarkan kepentingan pendidikan kepada seseorang individu pada zaman moden ini kerana perkara ini sudah mula dilihat sebagai pelaburan (Kendrick W & Kendrick B, 1988, p.70).

Ideologi tentang kelas sosial menyatakan bahawa, mereka yang mempunyai pendidikan tinggi mampu mengubah taraf kelas sosialnya kepada kedudukan yang tinggi. Pada zaman ini kejayaan seseorang individu juga ditentukan berdasarkan tahap dan bidang pendidikan yang dipilihnya (Mirowsky & Ross, 2003, pp.1-4). Jika mempunyai pendidikan, maka sesiapa juga boleh mencapai suatu kedudukan yang tinggi dalam kehidupan sosial mereka. Kenyataan Nelson Mandela seperti mana yang dirujuk oleh Dieter Beiter (2006, p.1) dalam bukunya berjudul, *The Protection of the Right to Education by International Law* menyatakan bahawa pendidikan boleh mengubah kedudukan ekonomi seseorang individu di mana anak seorang petani boleh menjadi doktor dan anak seorang pekebun boleh menjadi presiden. Dengan ini tokoh Nelson Mandela telah menyatakan bahawa pendidikan boleh mengubah dan menjayakan diri seseorang individu mengikut kehendak mereka. Perkara yang asas untuk kejayaan adalah pendidikan.

Ramai tokoh boleh dijadikan sebagai contoh yang telah berjaya dalam kehidupan mereka hanya dengan menggunakan pendidikan sebagai tangga kejayaan mereka. Mantan presiden Amerika Syarikat, Abraham Lincon sebenarnya adalah anak kepada seorang penjahit kasut. Tetapi pencapaian dalam bidang pendidikan telah menjadikan beliau sebagai presiden Amerika Syarikat yang ke-16 (1861 hingga 1865) (Tilawan, 2012, p.338). Manakala tokoh Abdul Kalam pula adalah seorang daripada keluarga yang miskin di India Selatan, Tamil Nadu. Tetapi usaha yang gigih oleh beliau dalam pendidikan telah menjadikan beliau sebagai ketua saintis negara India dan juga meningkatkan tarafnya sebagai Presiden India yang ke-11 (2002 hingga 2007) (Abdul Kalam & Arun Tiwari, 1999, p.3).

Kejayaan kedua-dua tokoh ini adalah bukti yang jelas terhadap pencapaian yang boleh diperoleh melalui pendidikan dalam kehidupan sosial. Kedudukan ini bukan sahaja membawa status sosial kepada mereka tetapi juga mengubah kedudukan kelas sosial dari segi ekonomi. Perkara inilah yang dipaparkan dalam filem *Chemman Chaalai*, di mana watak Loges menyatakan kepada kakaknya bahawa jika beliau menjadi graduan dan menjadi seorang doktor maka boleh memperoleh pendapatan tinggi yang dapat mengubah kehidupan keluarganya yang sengsara dengan kemiskinan di ladang tersebut. Dalam adegan yang lain Shalu sendiri digambarkan menyatakan pada rakanya bahawa kejayaan dalam pendidikan dapat menstabilkan kedudukan ekonomi dirinya.

Pendidikan boleh memberikan kekuatan ekonomi kepada seseorang individu berdasarkan tahap pencapaiannya. Hal ini terbukti daripada skim gaji yang ditetapkan oleh kerajaan Malaysia dalam pekerjaan sektor awam. Sila lihat jadual di bawah:-

Jadual 5.6: Skim gaji yang ditetapkan untuk staf kerajaan dalam pelbagai bidang mengikut kelayakan pendidikan bagi tahun 2013.

No	Tahap Pendidikan	Gred	Gaji Minimum (RM)	Gaji Maksimum (RM)	Kadar kenaikan Gaji Tahunan (RM)
1.	PMR	N11	RM802.00	RM2,663.00	RM80.00
2.	SPM/SPM(V)/SPMV/Sijil	N17	RM928.00	RM3,375.00	RM95.00
3.	Diploma/STP/STPM	U29	RM1,312.00	RM5,173.00	RM145.00
4.	Ijazah	M41	RM2,253.00	RM8,731.00	225.00

Sumber: <http://www.spa.gov.my>, dirujuk pada 20/6/2015, pukul 11.10am.

Jadual di atas menjelaskan tahap gaji yang dapat diperoleh oleh seseorang individu dalam jawatan kerajaan berdasarkan tahap pendidikan mereka. Jika dilihat pada tahap gaji tersebut

pendapatan seseorang individu yang mempunyai ijazah sarjana muda adalah, tiga kali ganda lebih daripada pendapatan yang diperoleh oleh seseorang yang hanya mempunyai tahap pendidikan setakat PMR. Manakala kadar kenaikan gaji tahunan juga menampakkan suatu perbezaan yang ketara. Selain itu, tahap maksimum gaji yang boleh diperoleh oleh seseorang individu yang mempunyai tahap pendidikan PMR hanyalah RM2,663.00. Tetapi gaji permulaan seseorang graduan adalah hampir dekat dengan gaji maksimum seseorang yang hanya mempunyai kelulusan PMR.

Jadual ini menjelaskan bahawa pendapatan berasaskan tahap pencapaian pendidikan boleh mengubah kelas kedudukan seseorang individu. Perkara inilah yang diangkat dalam filem *Ethirkaalam*. Apabila watak Kathir dibuang daripada kolej, ayahnya digambarkan menjadi sedih dan risau tentang masa depan anaknya. Manakala dalam filem *Chalangai* pula seorang rakan Muniamma digambarkan menasihati Muniamma supaya jangan biarkan anaknya sebagai orang yang tidak berpendidikan kerana perkara ini adalah penentu kejayaan masa depan mereka dalam ekonomi.

Tahap pendapatan ini bukan sahaja membawa perbezaan antara orang yang tidak berpendidikan dan berpendidikan tetapi juga membawa perbezaan dalam kalangan golongan berpendidikan berdasarkan tahap pendidikan. Perbezaan ini kelihatan antara pemilik ijazah sarjana muda, sarjana dan ijazah kedoktoran dalam bidang yang sama. Pendapatan ini juga membawa perbezaan berdasarkan bidang pengajian seperti pegawai perubatan (dokter), peguam, jurutera, akauntan, guru, pensyarah dan sebagainya. Jadual di

bawah menggambarkan gaji kumpulan profesional sepertimana yang ditetapkan oleh kerajaan Malaysia:-

Jadual 5.7: Gaji minimum-maksimum bagi perkhidmatan pendidikan kumpulan pengurusan dan profesional mulai 1 November 2013 (RM sebulan)

No	Gred gaji	Gaji minimum	Gaji maksimum	Kadar kenaikan gaji tahunan
1.	DG54	5,840.00	11,864.00	320.00
2.	DG52	5,538.00	11,194.00	290.00
3	DG48	4,922.00	10,560.00	270.00
4.	DG44	3,371.00	9,414.00	250.00
6.	DG41	1,917.00	8,652.00	225.00

Sumber: *Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 36 Tahun 2013, Penambahbaikan Jadual Gaji Minimum - Maksimum Gred 1 Hingga Gred 54 di Bawah Sistem Saraan Malaysia*, 2013, p.16.

Jadual di atas menunjukkan perbezaan yang ketara antara kumpulan gaji profesional. Perbezaan tahap gaji ini sudah tentu boleh membawa perbezaan dalam cara kehidupan sosial dalam kalangan mereka. Pencapaian gaji yang berbeza berdasarkan pendidikan dan kepakaran ini sudah tentu melahirkan kualiti kehidupan yang berbeza. Sebagai contohnya mereka yang mempunyai pendapatan bulanan sebanyak RM 1,917.00 (DG41), hanya mampu untuk memiliki sebuah kereta yang boleh dibayar sewa bulanan dalam lingkungan yang dapat dibayar oleh mereka. Dalam keadaan ini kualiti kereta juga hanya boleh diperolehi setakat harga yang mampu untuk dibayar. Tetapi mereka yang mempunyai pendapatan bulanan sebanyak RM 5,840.00 (DG54), mampu memiliki kereta yang lebih mewah berdasarkan tahap pinjaman yang boleh diperolehi mengikut tahap pendapatannya. Justeru itu, sudah tentu wujudnya suatu perbezaan kelas sosial antara mereka ini.

Hal inilah dilihat sebagai unsur yang penting kerana pendapatan seseorang individu adalah ditentukan berdasarkan kelulusan, kepakaran, berkebolehan seseorang. Pada masa yang sama hal ini juga akan bertambah berdasarkan kepakaran yang dimiliki dan latihan yang dilalui oleh seseorang individu dalam usaha mengubah kedudukan kelas sosial mereka (Henry, 1938, p.50).

Dengan ini dapatlah dikatakan bahawa tahap pendidikan yang menjadi asas kepada perbezaan pendapatan sudah tentu boleh melahirkan ketaksamaan sosial dalam kalangan masyarakat. Tetapi perkara yang harus diberi perhatian dalam bahagian ini adalah, manusia diberikan peluang terbuka untuk mengubah kedudukan kelas sosial mereka berdasarkan pencapaian pendidikan. Hal ini demikian kerana, manusia diberi kebebasan untuk mendapatkan pendidikan setakat mana yang boleh. Manakala di negara ini kerajaan Malaysia melihat menyediakan perkhidmatan pendidikan kepada masyarakat sebagai suatu tanggungjawab yang penting. Sebab itulah kerajaan Malaysia membelanjakan duit yang lebih banyak untuk bidang pendidikan setiap tahun.

Jadual 5.8: Perbelanjaan kerajaan persekutuan untuk pendidikan, Malaysia, 2007-2011 (Tidak termasuk perbelanjaan bagi Pengajian Tinggi).

Tahun	Perbelanjaan bagi pendidikan (RM juta)
2007	22,376
2008	27,268
2009	28,822
2010	28,253
2011	31,180

Sumber: <http://www.statistics.gov.my>, dirujuk pada 20/7/2013, pukul 3.09pm.

Walaupun kos perbelanjaannya meningkat dari tahun demi tahun tetapi kerajaan Malaysia tetap meneruskan perkhidmatan ini sebagai salah satu peranan dan tanggungjawab utama mereka kepada rakyat.

Teori struktural-fungsional menegaskan bahawa kepakaran, latihan dan kelulusan adalah membezakan kedudukan seseorang individu dengan individu yang lain. Pada masa yang sama, ganjaran juga ditentukan berdasarkan kebolehan mereka. Hal ini kerana usaha yang dilakukan dan pengorbanan yang dibuat oleh individu untuk memperoleh kepakaran dan kelulusan melalui latihan adalah perkara yang tidak ternilai. Pada masa yang sama hal ini juga adalah perkara yang sukar untuk dilakukan oleh semua orang (Kntya Marippan, 2000, p.50).

Berasaskan teori ini, jika ganjaran ini tidak diberikan, ia akan merendahkan minat manusia untuk memegang jawatan-jawatan tersebut yang memerlukan usaha dan pengorbanan yang tinggi. Jika wujud masalah kekurangan tenaga kerja yang berbakat untuk memenuhi jawatan-jawatan tertentu, maka ia akan memberikan kesan kepada institusi-institusi sosial yang lain (George Ritzer, 1992, p.236). Oleh yang demikian kedudukan yang dicapai oleh golongan berpendidikan sudah tentu akan membentuk ketaksamaan sosial dalam kalangan masyarakat. Namun demikian, demi kepentingan kehidupan sosial, ketaksamaan sosial ini adalah diterima oleh masyarakat sebagai perkara yang relevan dalam kehidupan mereka.

5.2.7. Pendapatan Daripada Perniagaan

Perniagaan dikatakan suatu perkara yang penting dalam proses pertumbuhan ekonomi sesuatu negara (Aristidis Bitzenis & John Marangos, 2008, p.400). Perniagaan pada umumnya ditafsirkan sebagai aktiviti yang diaturkan dan dilakukan dalam bentuk jual beli barangan dan perkhidmatan (Bounds & Lamb, 1998, p.5). Aktiviti perniagaan ini meliputi segala aspek yang berkaitan dengan proses pertumbuhan dan pengagihan ekonomi termasuklah perkhidmatan bank, kredit, sewaan, penggunaan jentera, tenaga kerja/buruh, perkhidmatan promosi, pengangkutan, cukai, pemasaran, pengurusan/pentadbiran, pembayaran gaji, dividen, saham dan sebagainya (Barjoyai Bardai, 2000, p.33).

Motif utama sesuatu perniagaan adalah mendapatkan keuntungan. Manakala keuntungan ini adalah lebih daripada jualan yang diperoleh setelah menolak semua kos perbelanjaan dalam perniagaan (Thill Mescon, 2005, p.4). Dalam sesuatu perniagaan, usahawan adalah orang yang melaburkan modal untuk memulakan perniagaan tersebut dan mereka menjual barangan dan perkhidmatan kepada para pelanggan untuk memperoleh keuntungan (Barjoyai Bardai, 2000, p.33).

Golongan peniaga ini sentiasa berurusan dengan duit. Pendapatan atau keuntungan yang diperoleh adalah bergantung kepada modal yang telah dikeluarkan dan berdasarkan faktor-faktor perniagaan yang lain termasuk kepakaran dalam pengurusan, tempat, harga, pemasaran dan sebagainya (Wan Mohd Ghazali, 1988, p.16). Kedudukan kelas sosial

mereka juga ditentukan berdasarkan keuntungan yang diperoleh daripada perniagaan mereka. FFTM yang dianalisis dalam kajian semasa didapati memuatkan beberapa situasi yang menggambarkan kedudukan kelas sosial peniaga dalam kalangan orang India. Justeru itu, bahagian ini dikaji berdasarkan aspek pendapatan daripada perniagaan yang membentuk kelas kehidupan orang India Malaysia.

5.2.8. Maklumat Tentang Pendapatan Daripada Perniagaan Dalam FFTM

Kajian menunjukkan bahawa empat daripada tiga belas FFTM seperti yang dimuatkan dalam jadual berikut mengandungi maklumat mengenai pendapatan daripada perniagaan.

Rajah 5.9: Maklumat pendapatan daripada perniagaan dalam FFTM.

No	Filem	Pendapatan Daripada Perniagaan
1	<i>Chemman Chaalai</i>	√
2	<i>Aandal</i>	
3	<i>Uyir</i>	
4	<i>Ethirkalam</i>	
5	<i>Chalanggai</i>	
6	<i>Vajram</i>	
7	<i>Adutha Khatam</i>	√
8	<i>Ops Kossa Dappa 3</i>	√
9	<i>Kaliyugha</i>	
10	<i>Olli</i>	
11	<i>Olipathivu</i>	√
12	<i>Dhusrajanam</i>	
13	<i>Maraimugam</i>	

Dalam sebuah babak filem *Chemman Chaalai* watak Naren (rakan Shalu) digambarkan menyatakan pada Shalu bahawa dirinya bercita-cita untuk menjadi seorang peniaga dan pemilik kedai untuk menikmati hidup yang berjaya dalam ekonomi (00.14.50).

Seterusnya, dalam filem *Adutha Khatam* pula watak Vijay digambarkan sebagai seorang yang sedang berusaha dalam perniagaannya untuk berjaya dalam hidup. Dalam sebuah adegan watak ini digambarkan menyatakan pada isterinya bahawa jika dirinya berjaya dalam kontrak yang diusahakan maka dirinya akan berubah menjadi seorang kaya (00.33.00).

Dalam sebuah adegan pada filem *Ops Kossa Dappa 3*, watak Jaga (gengster) digambarkan berjumpa dengan seorang pemilik kelab karaoke. Pemilik tersebut digambarkan menikmati kehidupan yang mewah (00:31:00). Selain itu, dalam filem *Olipathivu* pula seorang pemilik kelab golf digambarkan menikmati kehidupan yang mewah. Dalam adegan tersebut pemilik kelab golf tersebut digambarkan tidak melayani seorang pegawai polis yang telah datang untuk membuat penyiasatan (00.39.32).

5.2.9. Analisis

Perniagaan adalah suatu sumber yang penting dalam usaha membawa pendapatan kepada manusia. Pendapatan yang diperoleh pula menghasilkan kedudukan kelas sosial kepada seseorang individu. Dalam pada ini, kedudukan ekonomi seseorang individu yang melibatkan diri dalam perniagaan adalah tidak stabil sepertimana pendapatan yang

diperoleh daripada pekerjaan tetap. Hal ini kerana, pendapatan yang diperoleh daripada perniagaan adalah bergantung kepada untung dan rugi yang berasaskan maju mundur perniagaan tersebut (Kalaivani Palaney, 2011, pp.170-171).

Walau bagaimanapun tidak dapat dinafikan bahawa pendapatan daripada perniagaan ini sudah tentu membentuk suatu kedudukan kelas kepada seseorang individu kerana sesiapa juga boleh melibatkan diri dalam perniagaan. Manakala pendapatan daripada perniagaan juga adalah tidak ditentukan berdasarkan ciri-ciri lain seperti tahap umur, jantina dan sebagainya yang wujud dalam pendapatan daripada pekerjaan bergaji tetap.

Jika dilihat pada sejarah perkembangan orang India, mereka ini memang mempunyai pengalaman dalam bidang perniagaan sejak zaman sebelum masihi lagi. Orang India khususnya orang Tamil dikatakan pernah mengadakan hubungan perniagaan dengan kerajaan Yunani-Romawi dan negara-negara kawasan Asia Tenggara sejak zaman sebelum masihi lagi (Basham, 2002, pp.226-230 & Subramaniam, 1966, pp.235-236).

Pada zaman awal kelompok masyarakat di Romawi didapati lebih berminat dengan barangan daripada negara India termasuk berlian, minyak wangi, barangan kraf tangan, pakaian dan sebagainya. Manakala masyarakat Romawi juga didapati telah membayar wang dalam bentuk emas, perak dan gangsa bagi barang dagangan dari India. Hal ini

didapati telah membentuk krisis ekonomi di negara Romawi pada zaman tersebut (Smith, 1924, p.400 & Kanagasabhai, 1956, pp.34-35).

Manakala permintaan berlebihan oleh masyarakat Romawi terhadap barang-barang daripada negara-negara Asia telah membuka ruang kepada peniaga-peniaga India untuk melabur di kawasan Asia Tenggara bagi meniaga sumber-sumber asli dari kawasan ini. Mereka juga telah berfungsi sebagai ejan untuk meniaga barangan dari kawasan Asia Tenggara ke negara Yunani-Romawi (Basham, 2002, pp.226-230).

Sebuah kajian sejarah menyatakan bahawa para pedagang daripada negara India telah menggunakan kawasan Kuala Merbok di Kedah sebagai pintu masuk ke kawasan Tanah Melayu untuk menjalankan aktiviti perniagaan. Bahan-bahan purba yang ditemui sekitar kawasan Lembah Bujang menjadi bukti kepada penempatan orang India di kawasan tersebut pada abad yang kelima (James Low, 1848, pp.62-66).

Kebanyakan rekod-rekod sejarah juga membuktikan tentang kewujudan aktiviti perniagaan orang India di kawasan Asia Tenggara khususnya di Tanah Melayu dan Indonesia. Batu bersurat (abad 9 masihi) yang ditemui di Takuapa (Nilakanta Sastri, 1949, p.29) dan batu bersurat (abad 1088 masihi) yang ditemui di Labu Tuwa, Sumetra menjadi bukti kepada penguasaan orang India di kawasan-kawasan tersebut yang telah menjalankan aktiviti perniagaan (Wheatley, 1966, pp.196 & 203).

Batu bersurat yang ditemui di Takuapa mengemukakan maklumat tentang pembinaan sebuah perigi yang bernama *Avanani Naaranam*, oleh seorang berketurunan India yang bernama Nangun Udaiyan. Manakala perigi tersebut pula kemudian dibiayai oleh sebuah koperasi peniaga-peniaga India yang digelar dengan nama *Manikramathar* pada zaman tersebut. Nama *Avanani Naaranam* adalah dikatakan sebagai nama keturunan Raja Nandhivarma Pallava yang telah memerintah kawasan India Selatan sekitar tahun 826-850 masihi (Nilakanta Sastri, 1937, p.30 & Wheatley, 1966, p.203). Batu bersurat yang ditemui di Labu Tuwa pula mengemukakan maklumat tentang kewujudan sebuah koperasi pedagang-pedagang Tamil yang digelar sebagai *Thisai Aayirathu Ainutruvar* (Wheatley, 1966, pp.196 & 203). Keterangan ini, secara ringkasnya menggambarkan sejarah orang India khususnya orang Tamil yang telah menjalankan aktiviti perniagaan di Yunani-Romawi dan di kawasan Asia Tenggara.

Masyarakat India di Malaysia pada zaman ini adalah generasi keempat dan lima yang telah dibawa masuk oleh pihak British ke Tanah Melayu untuk menampung tenaga pekerjaan di sektor perladangan. Dalam pada ini terdapat juga segelintir masyarakat India telah dibawa masuk oleh pihak British sebagai pekerja kerajaan British (Sandhu, 1993, p.515). Selain itu, ada juga segolongan masyarakat daripada India telah datang ke Tanah Melayu untuk menjalankan aktiviti perniagaan (Arasaratnam Sinnappah, 1970, p.20). Kedatangan golongan peniaga ini telah membuka ruang untuk kewujudan aktiviti peniaga India di Tanah Melayu sekitar zaman penjajahan British. Pada zaman tersebut, kebanyakan

perniagaan yang dimulakan oleh orang India adalah berkaitan dengan masyarakat India. Pada masa yang sama aktiviti perniagaan mereka juga telah membawa manfaat kepada kaum-kaum lain (Sivalingam, 1993, pp.394-395).

Subramaniam (1992, p.28) dalam kajian akademiknya telah menyatakan bahawa pada tahun 1954 bilangan peniaga India di Tanah Melayu adalah seramai 12,692 orang. Ini adalah satu bilangan yang besar kerana secara puratanya seorang India antara 54 orang India adalah peniaga. Dalam pada bilangan peniaga tersebut, lima puluh dua buah syarikat adalah dikategorikan di bawah syarikat limited dan koperasi. Mereka ini didapati telah melibatkan diri dalam pelbagai perniagaan seperti perniagaan kain, kedai buku, kedai farmasi, kedai gunting rambut, peminjam duit dan sebagainya dalam bentuk kecil dan besar (Sivalingam, 1993, pp.394-395). Jadual berikut menggambarkan bilangan peniaga mengikut kaum di Tanah Melayu yang telah melibatkan diri dalam perniagaan pada sektor-sektor tertentu:-

Jadual 5.10: Perniagaan terpilih dan bilangan peniaga mengikut kaum di Tanah Melayu pada tahun 1957.

No	Jenis Perniagaan	Melayu	Cina	India
1.	Perniagaan runcit	6,457	47,135	13,451
2.	Tekstil	319	3,574	1,290
3.	Kewangan	253	2,315	1,261
4.	Pemborong	837	1,272	902
5.	Pengangkutan	6,338	14,742	2,768
6.	Kedai makanan	1,703	1,2716	5,242
7.	Dobi	509	1,976	680
8.	Gunting rambut	328	2,767	1,568
9.	Kedai emas dan berlian	177	3,206	437

Sumber: *Some Aspects Of The Indian Business Community In Malaya*, p.35, oleh Subramanian Letchumanan, 1992, Universiti Malaya.

Berdasarkan jadual di atas, kaum India didapati memang aktif dalam perniagaan khususnya dalam bidang perniagaan runcit. Walau bagaimanapun secara puratanya kaum Cina lah yang memainkan peranan penting dalam perniagaan pada masa tersebut. Mereka didapati membentuk bilangan besar dalam kesemua jenis perniagaan yang tersenarai di atas berbanding dengan kaum Melayu dan India.

Pada masa tersebut, kaum India dikatakan lebih popular dalam perniagaan kewangan (peminjaman duit). Mereka yang terlibat dalam bidang ini yang dikenali sebagai golongan Nattu Koottai Chettiar didapati telah menstabilkan perniagaan mereka di Tanah Melayu sejak tahun 1930 lagi. Sebuah kenyataan yang telah dikeluarkan oleh Agensi Kerajaan India di Malaysia pada tahun 1934, menyatakan bahawa masyarakat Nattu Koottai Chettiar ini hidup dengan mewah di Tanah Melayu. Mereka telah menstabilkan diri dalam perniagaan peminjaman duit dan juga turut popular dalam perniagaan-perniagaan lain seperti ladang getah, perumahan dan sebagainya (Netto George, 1961, p.53).

Sekitar tahun 1940, terdapat lebih kurang lima puluh buah syarikat perniagaan milikan golongan Nattu Koottai Chettiar yang berkaitan dengan peminjaman duit. Mereka juga dikatakan mempunyai nilai wang lebih kurang 30 hingga 40 juta pada tahun tersebut (Virginia & Richard, 1955, p.128). Golongan Nattu Koottai Chettiar ini juga didapati telah melibatkan diri dalam pelbagai aktiviti kebajikan sosial. Mereka telah membina kebanyakan kuil Hindu di kawasan bandar dan juga telah membina dewan-dewan serba guna yang masih kekal sehingga hari ini (Parameswary Krishnan, 2012, p.86).

Sumbangan ini adalah suatu perkara yang penting yang harus dipertimbangkan. Walaupun pendapatan daripada perniagaan meningkatkan kedudukan kelas sosial seseorang individu, tetapi ia hanya akan membawa manfaat sepenuhnya apabila didermakan dan dikongsi dengan masyarakat. Thiruvalluvar menyatakan bahawa peranan yang harus dilakukan oleh pemilik harta adalah berkongsi harta benda tersebut untuk memenuhi kekurangan yang wujud dalam kalangan masyarakat. Mereka yang tidak melakukan sedemikian dikatakan sebagai masyarakat yang berada dalam keadaan yang lebih buruk daripada manusia yang mati akibat kemiskinan (*Thirukkural*, 229). Dengan ini beliau mengangkat kepentingan unsur menderma dan menggunakan kekayaan yang ada pada dirinya untuk kepentingan masyarakat. Tetapi kajian semasa didapati tidak ada sebarang filem yang mengemukakan idea ini khususnya dalam kalangan watak-watak peniaga yang digambarkan dalam FFTM.

Berdasarkan penelitian terhadap golongan pedagang India, dapatlah dikatakan bahawa walaupun majoriti kaum India di Malaysia pada zaman penjajahan British dan selepas kemerdekaan telah melibatkan diri dalam sektor perladangan tetapi ada juga segelintir daripada mereka telah giat aktif dalam bidang perniagaan.

Kini usaha ini didapati masih diteruskan. Ramai anak muda India Malaysia didapati masih giat aktif melibatkan diri dalam perniagaan khususnya dalam perusahaan kecil dan sederhana. Manakala kerajaan Malaysia juga didapati menghulurkan bantuan kepada anak

muda India yang melibatkan diri dalam industri perniagaan supaya mereka juga dapat sama-sama merebut peluang dalam bidang perniagaan.

Kerajaan melalui parti Malaysian Indian Congres (MIC) didapati telah memberikan pinjaman kepada usahawan India baru daripada rancangan Tekun Nasional. Mantan Presiden MIC Datuk Seri Utama S.Samy Vellu, dalam sebuah majlis pemberian wang modal kepada para peniaga India, telah menyatakan bahawa rancangan Tekun Nasional telah memberikan duit modal berjumlah 11 juta kepada 1,481 orang peniaga kecil India Malaysia (<http://www.bernama.com>, dirujuk pada 13/5/2014, pukul 10.00am). Peruntukan ini telah ditingkatkan kepada 20 juta dalam bajet tahun 2010 berbanding dengan jumlah peruntukan pada tahun sebelumnya (<http://www.kkmm.gov.my>, dirujuk pada 13/5/2014, pukul 10.10am).

Perdana Menteri Malaysia dalam ucapan pembentangan bajet tahun 2015, menyatakan bahawa kerajaan Malaysia telah memperuntukkan RM 50 juta untuk Skim Pembiayaan Usahawan India yang telah memanfaatkan kepada 5,000 orang peniaga kaum India Malaysia (<http://www.bharian.com.my>, dirujuk pada 2/10/2014, pukul 8.00pm).

Dengan ini dapatlah dikatakan bahawa usaha kerajaan Malaysia ini membuka ruang kepada kaum India untuk melibatkan diri dalam perusahaan perniagaan. Hal inilah yang digambarkan dalam filem *Chemman Chaalai* (watak naren yang menyatakan bahawa

dirinya akan menjadi seorang peniaga pada satu hari nanti) dan filem *Adutta Kattam* (usaha Vijay yang ingin berjaya dan mengubah kedudukan ekonomi). Keinginan kaum India untuk menceburkan diri dalam bidang perniagaan didapati jelas dinyatakan dalam FFTM tersebut.

Thiruvalluvar menyatakan bahawa '*porulillarku ivvulagam illai*', yang membawa maksud, dunia ini bukanlah tempat bagi mereka yang tidak mempunyai harta benda (*Thirukkural*, 247). Kuplet ini dengan jelasnya menyatakan tentang kepentingan harta benda dan kekayaan yang mampu membawa segala keselesaan dalam kehidupan di dunia. Satu-satunya cara terbaik untuk memperoleh kekayaan ini adalah melalui perniagaan. Sebab itulah walaupun perkara ini dilihat sebagai sesuatu yang berisiko tinggi tetapi manusia sentiasa ingin menceburi bidang ini (Wan Mohd Ghazali, 1988, p. 21).

Teori konflik menyatakan bahawa tekanan yang dihadapi dalam kehidupan akan memberikan kesedaran dalam kalangan masyarakat untuk membawa perubahan sosial. perubahan sosial ini bermaksud pembangunan dalam ekonomi (Lewis, 1956, p.153). Hal ini kerana ekonomi adalah asas dalam kehidupan sosial. ekonomi juga adalah sesuatu yang boleh dicapai oleh mana-mana pihak (Wan Mohd Ghazali, 1988, p.49). Walaupun kebanyakan orang India pada zaman British di Tanah Melayu adalah golongan buruh, tetapi tekanan kehidupan miskin mereka telah memberikan kesedaran dalam kalangan orang India Malaysia untuk menceburi dalam bidang perniagaan.

Perubahan taraf ekonomi yang diperoleh daripada perniagaan boleh mengubah taraf hidup manusia. Biasanya pendidikan dikatakan membawa prestij kepada seseorang individu. Tetapi penglibatan dan kejayaan dalam bidang perniagaan pula akan membuatkan golongan berpendidikan untuk bekerja di bawah mereka. Sebagai contohnya, Tan Sri Dato Seri Lim Goh Tong (28/2/1918-23/10/2007) merupakan seorang bilionair (pengusaha Genting Highlands) yang terkenal di Malaysia. Tetapi beliau adalah orang yang tercidir daripada sekolah. Namun demikian beliau telah memberikan pekerjaan kepada beribu-ribu orang yang berada pada pelbagai tahap pendidikan termasuk graduan dan pasca-graduan (Lim Goh Tong, 2004, p.7).

Dengan ini dapatlah dikatakan bahawa wujudnya suatu kedudukan kelas sosial kepada mereka yang terlibat dalam perniagaan. Hal ini juga dikatakan melahirkan ketaksamaan sosial dalam kalangan masyarakat. Namun demikian ketaksamaan sosial ini bukanlah sesuatu yang kekal dan boleh berubah berdasarkan kejayaan yang dicapai oleh individu dalam bidang perniagaan. Usaha dan kejayaan mereka akan mengubah kelas sosial mereka.

5.3. Kehidupan Mewah

Kehidupan mewah biasanya dikatakan sebagai pemilikan kekayaan ekonomi dalam kehidupan sosial. Individu yang memiliki kekayaan berpeluang untuk menikmati kehidupan

yang lebih selesa. Kekayaan merujuk kepada pemilikan wang yang banyak dan aset kewangan yang dirujuk sebagai harta benda (Pender & Shahha Ratner, 2014, p.16). Harta benda ini termasuklah rumah, bangunan, tanah, kenderaan, saham dan sebagainya yang mempunyai nilai ekonomi yang boleh dibeli, dijual dan dilaburkan (Kerbo, 2012, p.21).

Harta benda juga boleh menambahkan pendapatan seseorang individu berdasarkan kepada kepentingan dalam pasaran (McAll, 1992, p.27). Harta benda yang dimiliki oleh seseorang individu yang diperoleh secara warisan mahupun daripada usaha diri sendiri sudah tentu akan memberikan kehidupan yang mewah kepada mereka berdasarkan jumlah harta yang dimiliki. Pada masa yang sama tidak dapat dinafikan bahawa kehidupan mewah ini juga memberikan peluang kepada seseorang individu untuk menikmati kehidupan sosial yang berbeza dengan individu yang lain yang membentuk stratifikasi sosial dalam kelompok masyarakat tersebut.

5.3.1. Maklumat Aspek Kehidupan Mewah dalam FFTM

Kajian menunjukkan bahawa enam daripada tiga belas FFTM seperti yang dimuatkan dalam jadual berikut mengandungi maklumat mengenai aspek kehidupan mewah.

Jadual 5.11: Maklumat aspek kehidupan mewah dalam FFTM.

No	Filem	Kehidupan Mewah
1	<i>Chemman Chaalai</i>	
2	<i>Aandal</i>	
3	<i>Uyir</i>	√
4	<i>Ethirkalam</i>	√
5	<i>Chalanggai</i>	
6	<i>Vajram</i>	
7	<i>Adutha Khatam</i>	
8	<i>Ops Kossa Dappa 3</i>	√
9	<i>Kaliyugha</i>	√
10	<i>Olli</i>	√
11	<i>Olipathivu</i>	√
12	<i>Dhusrajanam</i>	
13	<i>Maraimugam</i>	

Dalam filem *Uyir*, ayah Kathir digambarkan sebagai seorang pengurus ladang yang menikmati kehidupan mewah di ladang tersebut. Dalam sebuah adegan ayah Kathir digambarkan memberikan arahan kepada pembantunya untuk menyediakan rumah banglo untuk Kathir dan rakan-rakannya (00.17.04). Manakala dalam sebuah adegan yang lain watak Nitya digambarkan menyatakan pada teman lelakinya Arvind bahawa ayahnya adalah seorang yang kaya dan beliau telah merancang untuk menghantar dia ke United Kingdom untuk melanjutkan pendidikan tingginya (00.20.45).

Dalam filem *Ethirkalam*, Jenifer (wirawati) dan keluarganya digambarkan sebagai golongan kaya. Hal ini digambarkan daripada pakaian mewah yang dipakai oleh Jenifer dan ayahnya dan juga daripada kereta dan rumah mewah milikan mereka (00:10:41 & 00:35:49).

Seterusnya dalam filem *Ops Kossa Dappa 3*, watak Suzi digambarkan menurun daripada sebuah kereta berjenama BMW dengan pakaian moden yang berharga semasa berjumpa dengan rakan-rakannya Samy dan Seethu. Hal ini telah menghairankan Samy dan Seethu (00.08.29).

Manakala dalam filem *Kaliyugha* pula, Seorang ahli parlimen digambarkan menyatakan kepada rakanya bahawa dia mendapat duit yang banyak dan telah menjadi orang kaya setelah bersetuju untuk beralih ke parti yang lain. Beliau turut menyatakan bahawa kini beliau memiliki rumah banglo, kereta mewah, mampu memberikan pendidikan kepada anak di luar negara dan sebagainya yang meningkatkan kedudukan kelas hidupnya (01.07.08). Pada adegan yang lain pula seorang watak yang kaya digambarkan memberikan nasihat kepada anaknya supaya jangan membuang masa dengan pendidikan dan carilah jalan untuk menjadi kaya seperti dirinya. Beliau meminta anaknya supaya menjadi pengedar dadah untuk menikmati kehidupan mewah. Pada masa tersebut watak itu digambarkan berenang di sebuah kolam renang di rumahnya (01.15.56).

Seterusnya, dalam filem *Olli* pula, watak Vishnu dan bapa mertuanya digambarkan hidup di rumah banglo, memiliki kereta mewah dan kehidupan mewah (00.09.50, 00.28.02, 00.50.09, 01.05.35 & 01.21.13). Dalam filem *Olipathivu* pula, seorang penyeludup digambarkan menikmati kehidupan yang mewah sehingga memiliki sebuah kelab golf sebagai harta milikannya (00.39.32).

5.3.2. Analisis

Teori Semiotik menyatakan bahawa sebarang perkara yang boleh diinterpretasikan dan boleh membawa makna adalah dirujuk sebagai tanda (Peirce, 1985, p.7). Jika sesuatu tanda itu dikatakan dapat memberikan makna, maka tanda itu akan membentuk fungsinya (Albert Sebeok, 1994, p.3). Berdasarkan teori ini aspek-aspek yang dirujuk dalam kajian ini termasuk pakaian, perumahan, pelbagai peralatan, cara hidup, pengangkutan dan sebagainya adalah tanda yang melambangkan kehidupan yang mewah dalam FFTM. Oleh yang demikian, perkara-perkara yang dipilih berdasarkan teori semiotik dalam kajian semasa diteliti dan diinterpretasikan dari sudut pembentukan kelas sosial dan dianalisis bagaimana hal ini mewujudkan ketaksamaan sosial dalam kalangan masyarakat India Malaysia.

Keinginan untuk menikmati kehidupan yang mewah adalah satu kebiasaan dalam kalangan manusia. Tetapi mencapai tahap tersebut dan menjadi kaya bukanlah sesuatu yang mudah. Ada juga manusia yang lahir dalam keluarga orang kaya, tetapi kebanyakan orang hanya menjadi kaya dengan usaha gigih mereka sendiri (Marco, 2013, p.150). Kemewahan ini bukan hanya memberikan kehidupan yang selesa kepada seseorang manusia tetapi juga membawa kelas sosial yang tertentu dalam kehidupan mereka.

Masyarakat India juga mempunyai pemikiran tentang kepentingan pemilikan harta dalam kehidupan duniawi. Thiruvalluvar menyatakan bahawa:-

*“Arulillaarkku avvulagam illai
ivvulagam illaagi yaangu” (Thirukkural, 247).*

yang membawa maksud, manusia yang tidak memiliki kesedaran kerohanian akan dinafikan alam baka, begitu juga dengan mereka yang tidak mempunyai kekayaan duniawi akan dinafikan kehidupan yang selesa dan baik di dunia. Ini bererti manusia yang tidak mempunyai duit tidak boleh hidup sepertimana manusia yang lain dan sentiasa menghadapi kesengsaraan dalam kehidupan.

Manakala seorang lagi penyajak Tamil Auvaiyar, menyatakan bahawa manusia yang mempunyai harta benda sentiasa akan dijunjung oleh orang ramai. Walaupun dia tidak mempunyai pendidikan tetapi harta benda itu akan membawa segala penghormatan kepada individu tersebut. Pada masa yang sama, orang yang tidak ada duit tidak akan dilayani oleh mana-mana pihak termasuk ibu dan isteri (*Nalvazhi*, 34). Biasanya ibu dikatakan sebagai insan yang paling agung dalam tradisi masyarakat India kerana dilihat sebagai simbol kasih sayang (Manimaran Subramaniam & Rajantheran, 2006, p.113). Manakala isteri pula dirujuk sebagai insan yang harus menjunjung suaminya bagaikan Tuhannya (Thatchinamurthy, 2001, p.79). Tetapi Auvaiyar menyatakan ibu dan isteri sebagai contoh manusia yang sanggup untuk tidak menerima orang yang tidak mempunyai kekayaan duniawi. Hal ini kerana, jika mereka berdua ini sudah dicerminkan sebagai insan yang tidak menerima manusia yang tidak memiliki harta benda, maka dapatlah disimpulkan bahawa

tiada sesiapaupun yang akan menghormati orang yang tiada kekayaan duniawi (Rasagopalan, 1997, pp.34-35).

Inilah yang dinyatakan sebagai kuasa harta benda dalam kehidupan sosial. Sebab itu terdapat beberapa pepatah dalam bahasa Tamil seperti, ‘lembing hanya sampai ke destinasinya berdasarkan kuasa lontaran, tetapi duit boleh sampai ke mana-man jua’, ‘jika menyebut perkataan duit, maka mayat juga akan buka mulut’ dan sebagainya yang menyatakan kuasa dan kepentingan duit dalam kehidupan sosial (Muthukumaran, 1998, pp.144 & 148).

Dengan ini dapatlah dikatakan bahawa manusia yakin dan percaya bahawa wang duit mampu melakukan apa jua. Hal inilah yang diutarakan dalam filem *Kaliyugha*, di mana seorang ahli parlimen digambarkan bersekongkol dengan musuhnya lalu lepaskan parti politiknya dan telah melompat ke parti lain untuk mendapatkan kekayaan duniawi yang lumayan. Dalam adegan yang lain, seorang kaya digambarkan memujuk anaknya untuk melibatkan diri dalam pengedaran dadah untuk mendapatkan duit yang lebih banyak.

Senario yang digambarkan di atas ini menunjukkan keinginan manusia yang sanggup melakukan apa jua demi mendapatkan duit dan kemewahan. Tetapi pemikiran orang India sama sekali tidak menerima perkara ini. Falsafah orang India menyatakan bahawa manusia bertanggungjawab untuk mencari duit untuk menikmati kehidupan yang

selesa di dunia. Tetapi duit itu haruslah dicarikan melalui cara-cara yang halal (Sivapalan, Rajantheran & Rajakrishnan, 2004, pp.254-255).

Thiruvalluvar menyatakan bahawa, cara terbaik untuk menyimpan harta benda untuk dibawa ke alam Tuhan adalah dengan menderma pada orang lain (*Thirukkural*, 226). Walaupun dengan adanya kekuatan ekonomi manusia dikatakan dapat menikmati kehidupan pada kelas sosial yang baik, tetapi hal ini tidak akan mengekalkan kewibawaan individu tersebut. Hanya nilai menderma (menjalankan aktiviti berpahala) sahaja akan mengekalkan nama baik mereka.

Perkara ini dapat dibuktikan daripada karya *Kambaramayana* yang telah dihasilkan oleh Kambar dalam bahasa Tamil. Kambar sebenarnya telah dipelihara oleh seorang dermawan yang bernama Sadaiyappa Vallal. Oleh yang demikian sebagai balasan budinya, Kambar telah menyelitkan nama Sadaiyappa Vallal dalam kebanyakan puisi pada karya *Kambaramayana* yang telah dihasilkannya termasuk pada bahagian kenaikan Takhta Rama (*Kambaramayanam*, 4315:3). Hal ini telah mengekalkan nama dermawan tersebut selamanya dalam kalangan orang India. Dengan ini dapatlah dikatakan bahawa walaupun seseorang mencapai kelas sosial daripada kedudukan ekonominya tetapi sifat mendermalah yang akan mengekalkan namanya selama-lama.

Seterusnya, jika dilihat pada purata pemilikan harta dalam kalangan orang India Malaysia hal ini tidaklah menampakkan satu peningkatan yang baik.

Jadual 5.12: Pemilikan harta dalam peratus mengikut etnik di Malaysia bagi tahun 1970-2004

Tahun		1970	1990	1995	1999	2000	2002	2004
No	Kaum							
1.	Melayu	2.4	19.3	20.6	19.1	18.9	18.7	18.9
2.	Cina	27.2	55.5	40.9	37.9	38.9	40.9	39
3.	India	1.0	1.0	1.5	1.5	1.5	1.5	1.2
4.	Lain-lain	-	0.3	1.0	0.9	0.9	0.8	0.4
5.	Syarikat penama	6.0	8.5	8.3	7.9	8.5	9.2	8.0
6.	Orang asing	63.4	25.4	27.7	32.7	31.3	28.9	32.5

Sumber: *The Malaysian Indian Dilemma*, p.336, oleh Janakey Raman, 2009, Petaling Jaya: Crinographics Sdn, Bhd.

Berdasarkan jadual di atas, jika berbanding dengan kaum-kaum lain, masyarakat India Malaysia tidak mencapai peningkatan yang baik dalam pemilikan harta di Malaysia. Tetapi tidak dapat dinafikan bahawa terdapat juga orang India mendapat tempat dalam senarai orang terkaya di Malaysia. Tan Sri T.Ananda Krishnan seorang India Malaysia yang dinamakan sebagai orang kedua terkaya di Malaysia bagi tahun 2014. Nilai harta dianggarkan berjumlah 37.3 bilion ringgit. Selain itu, Tan Sri G.Gnanalingam, Tan Sri Anthony Fernandes juga merupakan antara jutawan berketurunan India di Malaysia yang berjaya dalam pelbagai bidang perniagaan (<http://www.majalahniaga.com>, dirujuk pada 19/11/2014, pukul 2.30pm).

Biasanya kehidupan orang kaya ini adalah berbeza dengan kehidupan masyarakat biasa. Hal ini jelas kelihatan daripada cara hidup mereka yang menggunakan kereta mewah, rumah banglo yang besar dengan pembantu rumah dan juga pekerja daripada pelbagai

kategori dan sebagainya. Tetapi hal ini menggambarkan perbezaan ketara jika berbanding dengan golongan yang berada pada kelas bawahan (Weber, 1968, pp.21-22). Keadaan ini digambarkan dalam FFTM.

Dalam filem *Ops Koosa Dappa 3*, watak Suzi digambarkan turun daripada kereta berjenama BMW yang membuatkan Seethu dan Samy hairan terhadap kekayaan Suzi. Manakala perbezaan itu juga turut kelihatan pada pakaian Suzi dengan yang mempunyai perbezaan dengan pakaian Sethu dan Samy. Begitu juga dalam filem *Olipathivu* di mana pemilik kelab golf digambarkan tidak melayani pegawai polis kerana beliau percaya bahawa kedudukan kelas sosialnya adalah lebih tinggi daripada pegawai polis tersebut.

Perbezaan ini juga wujud dalam kalangan antara orang kaya. Sebagai contohnya Tan Sri T.Ananda Krishnan adalah orang kedua terkaya di Malaysia. Pada masa yang sama, Tan Sri G.Gnanalingam dan Tan Sri Anthony Fernandes juga merupakan orang kaya di Malaysia. Tetapi Tan Sri G.Gnanalingam dan Tan Sri Anthony Fernandes tidaklah memiliki kekayaan yang setaraf dengan Tan Sri T.Ananda Krishnan. Maka kedudukan ekonomi ini juga dapat membawa perbezaan dalam kelas sosial antara mereka. Walau bagaimanapun perbezaan ini secara ketara boleh kelihatan apabila dibandingkan dengan orang miskin atau sederhana.

Teori konflik merujuk kepada perbezaan ini sebagai punca utama berlakunya konflik dalam kalangan masyarakat yang membawa kepada berlaku pemberontakan. Keadaan ini kerana orang kaya adalah berpeluang tinggi untuk meningkatkan kedudukan yang tinggi. Pada masa yang sama, hal ini akan menjadikan orang miskin semakin miskin (Kntya Marippan, 2000, p.64). Maka jurang perbezaan ini pula membawa kepada ketaksamaan sosial yang ketara dalam kalangan mereka.

Secara kesimpulannya dapatlah dikatakan bahawa kehidupan orang kaya adalah berbeza dengan orang biasa. Kedudukan ekonomi yang tinggi membawa segala penghormatan dan keselesaan dalam kehidupan mereka. Pada masa yang sama, hal ini juga membentuk ketaksamaan sosial berbanding dengan orang biasa. Justeru itu, dapatlah dikatakan bahawa kehidupan mewah ini menjadi satu lagi aspek yang mewujudkan ketaksamaan sosial dalam kalangan masyarakat.

5.4. Kehidupan Miskin

Biasanya masyarakat miskin dikategorikan pada kelas bawahan. Mereka ini adalah dirujuk sebagai golongan yang tidak berpeluang untuk menikmati sebarang ganjaran atau sumber sosial seperti mana yang dinikmati oleh kelas-kelas sosial yang lain. Golongan masyarakat miskin biasanya tidak memiliki sebarang harta benda dan tidak berpeluang untuk menikmati kehidupan sosial yang sempurna (Hurst, 1992, pp.14-15).

Kemiskinan juga boleh terbentuk daripada pendapatan yang rendah ataupun tiada pendapatan langsung kepada seseorang individu (Ruth Lister, 2004, p.15). Pada umumnya kemiskinan dapatlah ditafsirkan dalam dua bentuk iaitu kemiskinan mutlak dan kemiskinan relatif. Kemiskinan mutlak adalah keadaan di mana pendapatan seseorang itu adalah tidak mencukupi untuk memenuhi keperluan asas seperti makanan, pakaian, tempat perlindungan dan sebagainya. Manakala kemiskinan relatif adalah berkaitan dengan kekurangan pendapatan, dan kuasa yang wujud berbanding dengan komuniti yang lain (Sulaiman M Yassin, 1995, p.2-3).

Walaupun para ahli ekonomi berpendapat bahawa, adalah sukar untuk menentukan garis panduan yang tetap untuk menentukan kemiskinan tetapi pada umumnya kemiskinan ini diterima dengan tafsiran sebagai suatu keadaan yang tidak mempunyai keupayaan kepada manusia untuk memenuhi keperluan kehidupan sosial (Nurizan Yahya, 1998, p.38). Kemiskinan seseorang individu boleh melahirkan jurang yang jauh antara individu, secara sengaja mahupun tidak sengaja (Chris Jones & Tony Novak, 2014, p.10). Jurang perbezaan ini membentuk ketaksamaan sosial dalam kalangan masyarakat.

5.4.1. Maklumat Aspek Kehidupan Miskin dalam FFTM

Kajian menunjukkan bahawa enam daripada tiga belas FFTM seperti yang dimuatkan dalam jadual berikut mengandungi maklumat mengenai aspek kehidupan miskin.

Jadual 5.13: Maklumat aspek kehidupan miskin dalam FFTM.

No	Filem	Kehidupan Miskin
1	<i>Chemman Chaalai</i>	√
2	<i>Aandal</i>	√
3	<i>Uyir</i>	
4	<i>Ethirkalam</i>	
5	<i>Chalanggai</i>	√
6	<i>Vajram</i>	√
7	<i>Adutha Khatam</i>	
8	<i>Ops Kossa Dappa 3</i>	
9	<i>Kaliyugha</i>	√
10	<i>Olli</i>	
11	<i>Olipathivu</i>	
12	<i>Dhusrajanam</i>	√
13	<i>Maraimugam</i>	

Filem *Chemman Chaalai* adalah sebuah filem yang menggambarkan tentang kehidupan masyarakat di sebuah ladang. Filem ini memuatkan kehidupan golongan kelas bawahan iaitu kelas pekerja. Dalam sebuah babak, watak Shalu (wirawati) yang merupakan seorang pelajar sekolah menengah digambarkan membuat kerja sampingan di sebuah kedai jahitan untuk menampung perbelanjaan keluarganya (00.26.05). Dalam sebuah lagi babak adik Shalu digambarkan meminta Shalu supaya membawa dia keluar dari ladang tersebut setelah Shalu berjaya dalam hidupnya kerana tidak selera dengan kehidupan di ladang (00.42.05). Dalam adegan yang lain, ibu Shalu digambarkan meminta Shalu untuk menghentikan

pendidikannya pada tahap sekolah menengah kerana keluarganya tidak mampu untuk memberikan pendidikannya ke peringkat universiti (01.02.35).

Dalam filem ini, keluarga Shalu digambarkan hidup di sebuah kawasan ladang dalam rumah yang tidak mempunyai kemudahan seperti kipas dan sebagainya (00.11.15). Dalam sebuah lagi adegan, ayah Shalu digambarkan menggunakan kipas tangan (00.20.10).

Selain daripada tempat tinggal, aspek pakaian juga turut dimuatkan dalam filem ini di mana pada kebanyakan adegan dalam filem ini, adik-beradik Shalu dan ahli keluarganya digambarkan berada dalam pakaian yang biasa seperti baju yang tidak sesuai dengan saiz badan, baju yang lama, murah dan sebagainya (00.59.00). Dari segi pengangkutan pula, para pekerja ladang digambarkan pergi ke tempat kerja menaiki sebuah traktor yang sebenarnya adalah kenderaan untuk angkat barang-barang (00.01.20). Ayah Shalu dalam filem ini yang merupakan seorang penoreh getah digambarkan menggunakan sebuah basikal lama sebagai pengangkutannya (00.01.14).

Manakala dalam filem *Aandal* pula, watak Aandal dan suaminya Suresh digambarkan hidup di sebuah rumah sewa di kawasan perumahan yang mempunyai masalah sosial seperti pelacuran dan penagihan dadah. Apabila Aandal meminta suaminya untuk berpindah ke rumah lain, eliau menyatakan bahawa dirinya tidak mampu untuk

berpindah ke tempat lain buat sementara waktu kerana tiada duit untuk menyewa rumah baru (00:37:30).

Seterusnya, sebuah adegan dalam filem *Chalanggai*, watak Siva digambarkan meminta bantuan daripada emaknya untuk membelikan sebuah motosikal. Tetapi ibunya pula tidak mampu untuk membelikan (00.21.51). Pada adegan yang lain pula, emak Siva digambarkan hanya menggunakan sebuah basikal lama sebagai pengangkutan untuk pergi ke tempat kerja (00.02.10). Dalam filem ini keluarga Uma digambarkan tinggal di sebuah rumah papan di kawasan setinggan. Rumahnya digambarkan kekurangan kemudahan (00.44.30). Manakala pakaian yang dipakai oleh ahli keluarga Uma juga turut menggambarkan kemiskinan mereka (00.40.30). Dalam sebuah situasi, watak Siva digambarkan cuba mencuri beg tangan seorang wanita kerana tidak dapat menyelesaikan masalah kewangan yang dihadapinya (01.06.40).

Dalam filem *Vajram*, keluarga Alagu digambarkan tinggal di sebuah rumah kampung yang dibina daripada papan. Rumah tersebut juga digambarkan tidak mempunyai sebarang kemudahan seperti kipas, peti sejuk, televisyen dan sebagainya (00:47:20). Manakala Alagu dan kakaknya juga digambarkan berpakaian murah dan tidak berkualiti. Dalam sebuah adegan yang lain emak Surya menyuruh Surya untuk membelikan pakaian kepada Alagu, Seelan dan Selvam untuk dipakai dalam pertandingan *urumi meelam* kerana keluarga mereka tidak mampu belikan (00:46:50).

Seterusnya, sebuah adegan dalam filem *Kaliyugha* pula, watak Roy digambarkan memberikan komen tentang pakaian Malini bahawa pakaiannya menggambarkan dia adalah daripada sebuah keluarga yang miskin (01.09.40). Dalam adegan yang lain watak Vijay digambarkan menyatakan kepada teman wanitanya bahawa dia berasa malu kerana tidak mampu memiliki kereta (00.41.00).

Dalam filem *Dhusrajanam* pula, watak Kuttan (wira) digambarkan sebagai seorang pekerja biasa di kandang kambing yang hanya memberikan upah yang rendah. Oleh yang demikian, dia hanya digambarkan sebagai seorang yang miskin dan tidak mampu membelikan apa-apa (01.06.00). Dalam sebuah adegan yang lain, Kuttan digambarkan mengutip sepasang kasut daripada sampah untuk dipakai dalam permainan badminton (00.27.20). Manakala para pemain badminton juga digambarkan tidak menerima Kuttan untuk bermain badminton dengan mereka kerana Kuttan kelihatan dengan selipar, alat permainan yang tidak sesuai dan berpakaian yang buruk (00.26.00). Dalam filem ini watak Kuttan digambarkan menetap tinggal di sebuah rumah setinggan yang tidak mempunyai sebarang kemudahan asas (00.08.00). Kuttan hanya menggunakan sebuah basikal yang buruk sebagai pengangkutan kerana tiada pendapatan yang secukupnya (00.28.30).

5.4.2. Analisis

Masalah kemiskinan dikatakan sebagai masalah sosial yang teruk dan dilihat sebagai musuh pembangunan negara dan masyarakat (Hairi Abdullah, 1984, p.16). Masyarakat yang mengalami kemiskinan dikatakan tidak berpeluang untuk menikmati kehidupan yang selesa dan terpaksa bergantung kepada pihak lain untuk mendapatkan bantuan. Kemiskinan juga mempengaruhi keseluruhan kehidupan seseorang individu dalam pelbagai aspek lain seperti harga diri, kekurangan dalam menikmati sumber asas sosial, ketiadaan kebebasan bersuara dan sebagainya (Mohamed Sabib Bin Abdullah, 2007, p.77).

Kemiskinan ini sudah tentu akan merendahkan kedudukan seseorang individu. Hal ini demikian kerana, mereka yang berada dalam keadaan kemiskinan terpaksa bergantung kepada orang lain dan meminta bantuan daripada mereka untuk memenuhi keperluan kehidupan mereka. Jika manusia sudah meminta bantuan kepada orang lain, maka kedudukan dirinya akan menurun. Sebuah puisi klasik sangam, menyatakan bahawa meminta daripada orang adalah perkara yang terhina kepada seseorang individu, manakala menyatakan tidak kepada orang yang meminta adalah keadaan yang lebih terhina (*Puranaanuuru*, 204: 1-2). Dengan ini puisi tersebut menyatakan keadaan orang miskin yang terpaksa bergantung kepada orang lain.

Penelitian terhadap karya klasik *Puranaanuuru* (196: 11-15) dengan jelasnya menggambarkan masalah kemiskinan dalam kalangan masyarakat zaman sangam. Puisi tersebut mencerminkan kehidupan seorang penyair yang menghadapi kesengsaraan kemiskinan. Keluarga beliau digambarkan menghadapi kebuluran.

Selain itu, golongan pemuzik yang dikenali sebagai *Paanar* juga digambarkan sentiasa menghadapi masalah kemiskinan pada zaman sangam. Tetapi biasanya golongan raja menyelesaikan masalah kemiskinan mereka dengan menghulurkan bantuan kepada golongan masyarakat tersebut (Thatchinamurthy, 2008, p.49). Namun demikian kewujudan kemiskinan dalam kalangan masyarakat zaman sangam tetap direkodkan sebagai gejala serius dalam puisi-puisi sangam.

Seterusnya, masalah kemiskinan dalam kalangan masyarakat India Malaysia juga dilihat sebagai masalah yang serius di negara Malaysia. Kebanyakan masyarakat India yang telah dibawa masuk ke Tanah Melayu dari India Selatan pada zaman penjajahan British adalah terdiri daripada golongan yang miskin. Mereka yang telah dibawa untuk menampung kekurangan tenaga kerja di sektor perladangan didapati telah hidup dalam keadaan yang begitu miskin (Sandhu, 1993, p.151). Sumber pendapatan mereka juga adalah begitu rendah. Manakala mereka juga didapati hidup dalam kawasan perumahan yang serba kekurangan (Kamariddin M Said, 1984, p.115).

Keadaan ini dengan jelasnya digambarkan dalam filem *Chemman Chaalai* di mana, rumah Shalu digambarkan tanpa kemudahan asas seperti kipas, kemudahan bilik yang mencukupi dan sebagainya. Perkara ini telah dilihat sebagai suatu kekurangan dalam kehidupan masyarakat India di kawasan ladang. T.Marimuthu (1984, p.265-268) menyatakan bahawa kebanyakan rumah di kawasan ladang didapati tidak mempunyai kemudahan asas, sempit dan tidak mempunyai suasana belajar bagi anak-anak mereka.

Tempat tinggal ini dengan jelasnya telah melahirkan ketaksamaan sosial dalam kalangan masyarakat India di kawasan ladang. Kamariddin M.Said (1984, p.114-115) dalam sebuah kajiannya tentang masalah kemiskinan masyarakat India di kawasan ladang menyatakan bahawa biasanya perumahan di kawasan ladang adalah dibina dalam tiga bentuk. Yang pertama adalah rumah pengurus atau pemilik ladang tersebut yang dibina sebagai rumah banglo dan mempunyai segala kemudahan. Yang kedua adalah rumah para kerani yang dibina berhampiran dengan rumah pengurus yang mempunyai kemudahan asas. Yang terakhir adalah rumah pekerja buruh yang tidak mempunyai sebarang kemudahan asas. Dalam kajiannya beliau turut menyatakan bahawa biasanya para pengurus atau pemilik ladang jarang bergaul mesra dengan para golongan kerani dan buruh. Tetapi golongan kerani pula lebih rapat antara mereka dan kadang kala bergaul dengan buruh dan menghadiri majlis yang dikendalikan oleh mereka. Keadaan ini dengan jelasnya menggambarkan ketaksamaan sosial yang terhasil antara golongan berada dan golongan miskin di kawasan ladang.

Selain itu, Kemiskinan ini juga menjadi punca utama berlakunya keciciran pelajar daripada alam sekolah (Marimuthu, 1984, pp.265-268). Masalah keciciran pelajar daripada pendidikan yang berpunca daripada masalah kemiskinan ini turut digambarkan dalam filem *Chemman Chaalai*. Dalam filem tersebut, watak Shalu menghadapi masalah untuk meneruskan pendidikannya ke peringkat universiti kerana masalah kemiskinan keluarga. Sebuah kajian menunjukkan bahawa pada sekitar tahun 70-an dan 80-an kebanyakan pelajar dari kawasan ladang telah tercicir daripada alam persekolahan kerana masalah kemiskinan (Manikkavasagam, 1974, p.23).

Masyarakat yang dilanda kemiskinan juga dikatakan tidak akan berkebolehan untuk memenuhi kehendak mereka dengan sempurna (Nurizan Yahya, 1998, p.38). Isu ini juga turut diangkat dalam FFTM seperti *Chemman Chaalai* (keluarga Shalu menghadapi masalah kewangan dalam melaksanakan perkahwinan), *Chalanggai* (watak Siva yang berusaha untuk membelikan sebuah motosikal tetapi tidak mampu) dan *Dushrajanam* (watak Kuttan yang tidak mampu membelikan sepasang kasut dan raket untuk bermain badminton serta terpaksa menjahit sebuah kasut yang ditemui dari tong sampah).

Masyarakat yang hidup di kawasan ladang juga didapati tidak berpeluang menyimpan wang untuk masa depan kerana pendapatan mereka adalah begitu kecil. Gaji sehari kepada pekerja ladang pada tahun 1937 adalah 40-45 sen sahaja (Ramasamy, 1994, p.34). Pendapatan yang rendah pada masa tersebut telah menyebabkan orang India tidak berpeluang untuk menyimpan wang untuk masa depan mereka. Keadaan ini telah

menyebabkan orang tua pada masa tersebut terpaksa bergantung pada anak-anak mereka untuk meneruskan kehidupan alam tua mereka (Jayakumar, 1993, p.412).

Selain itu, kemiskinan ini juga didapati menjadi punca kepada kewujudan pelbagai masalah dalam kalangan masyarakat India Malaysia (Mohamed Sabib Bin Abdullah, 2007, p.77). D.Jayakumar (1993, pp.418-419) dalam artikelnya yang berkaitan dengan masalah kemiskinan orang India di kawasan ladang, menyatakan bahawa kekurangan pendapatan orang India dan keangkuhan pentadbir ladang yang ingin mengaut keuntungan yang banyak telah meningkatkan masalah kemiskinan dalam kalangan orang India di kawasan ladang. Manakala keadaan ini pula telah menjadi punca kepada kewujudan pelbagai masalah sosial yang hebat dalam kalangan mereka seperti arak, hutang, bekerja di alam persekolahan dan sebagainya.

Hal ini juga telah dipaparkan dalam filem *Chemman Chaalai* di mana, watak Shalu terpaksa bekerja di sebuah kedai jahit kain untuk menampung kos perbelanjaan keluarga. Ayah Shalu menggadaikan rantai emas untuk melangsungkan perkahwinan anaknya. Manakala dalam filem *Chalaggai* pula watak Siva digambarkan mencuri demi menyelesaikan masalah kewangan yang dihadapinya. Kebanyakan masalah ini adalah wujud daripada ketaksamaan sosial yang terhasil daripada kemiskinan.

Sebuah kajian Ijazah Sarjana Sastera, mengemukakan lima sebab bagi kewujudan kemiskinan dalam kalangan orang India di ladang. Hal ini termasuklah peranan pentadbiran ladang yang bermotifkan keuntungan yang maksimum, upah yang rendah kepada pekerja

buruh, peranan kerajaan yang rendah, peranan kesatuan sekerja (NUPW) yang rendah dan keadaan persekitaran yang buruk (Mohamed Sabib Bin Abdullah, 2007, p.58).

Perkara inilah yang diutarakan dalam teori konflik Marxisme yang menyatakan bahawa biasanya sumber ekonomi hanya dikongkong sepenuhnya oleh golongan kapitalis yang membuatkan golongan buruh hidup dalam kesengsaraan kemiskinan. Hal ini kerana, pengagihan ganjaran sosial yang tidak sama rata membuatkan golongan kaya menjadi semakin kaya dan golongan miskin semakin miskin (Steven Vago, 2004, p.60). Berdasarkan pandangan ini, segala masalah yang telah dibincangkan dalam bahagian ini didapati wujud daripada sistem kedudukan ekonomi yang tidak sama rata.

Tidak dapat dinafikan bahawa masalah kemiskinan ini masih berterusan dalam kalangan masyarakat India Malaysia sehingga pada masa kini.

Jadual 5.14: Kadar kemiskinan mengikut etnik di Malaysia 1970-2012

Tahun	Melayu	Cina	India
1970	64.8	26.0	39.2
1976	46.4	17.4	27.3
1979	49.2	16.5	19.8
1984	28.7	7.8	10.1
1987	26.6	7.0	9.6
1989	23.0	5.4	7.6
1990	20.8	5.7	8.0
1992	17.5	3.2	4.5
1995	12.2	2.1	2.6
1997	9.0	1.1	1.3
1999	12.3	1.2	3.4
2002	9.0	1.0	2.7
2004	8.3	0.6	2.9
2007	5.1	0.6	2.5
2009	5.3	0.6	2.5
2012	2.2	0.3	1.8

Sumber: <http://www.epu.gov.my>, dirujuk pada 5/8/2013, pukul 8.00am.

Berdasarkan jadual di atas kadar kemiskinan dalam kalangan orang India didapati telah berkurangan daripada 39.2 kepada 1.8 dari tahun 1970 hingga 2012. Ini bukan bermaksud kemiskinan sudah pun dihapuskan sepenuhnya.

Mereka yang dikatakan berada dalam kemiskinan dirujuk dengan istilah berada di bawah pendapatan garis kemiskinan (PGK). Sekitar tahun 1990-an, masyarakat yang mempunyai pendapatan yang kurang daripada RM 370 sebulan telah dikategorikan sebagai orang yang berada pada PGK. Manakala angka ini telah berubah di mana berdasarkan Unit Perancangan Ekonomi (UPE) garis kemiskinan bagi tahun 2007 adalah ditingkatkan kepada RM 720 sebulan (<http://www.kpkt.gov.my>, dirujuk pada 12/10/2013, pukul 11.20am).

Kerajaan Malaysia didapati berusaha sedaya upaya untuk membasmi kemiskinan dalam kalangan masyarakat. Dalam bajet tahun 2010, kerajaan Malaysia telah mengumumkan peruntukan bagi projek-projek membasmi kemiskinan dalam kalangan masyarakat seperti peruntukan untuk mengeluarkan 5,600 buah keluarga daripada garis kemiskinan, bantuan untuk program pemulihan komuniti, bantuan kepada warga tua, peruntukan khas kepada masyarakat yang tidak mempunyai pendapatan tetap seperti nelayan, petani dan sebagainya. Kajian menunjukkan bahawa dari tahun 2006 hingga 2010, kerajaan Malaysia telah memperuntukkan RM4,465.3 juta untuk membasmi kemiskinan masyarakat Malaysia (<http://www.statistics.gov.my>, dirujuk pada 12/10/2014, pukul 11.00am).

Dengan ini dapatlah dikatakan bahawa walaupun kadar kemiskinan di Malaysia telah turun pada tahap yang begitu rendah tetapi masalah kemiskinan ini masih wujud dalam kalangan masyarakat. Manakala kemiskinan pula adalah suatu keadaan yang jelas mewujudkan ketaksamaan sosial. Pada masa yang sama ketaksamaan yang wujud daripada kemiskinan juga boleh menimbulkan pelbagai masalah dalam kalangan masyarakat kerana kemiskinan adalah punca kepada segala gejala sosial dalam kalangan masyarakat (Kumarasamy Thannimalai, 2011, p.136).

Walau bagaimanapun teori struktural-fungsionalisme yang berasaskan pada pemikiran disfungsi menyatakan bahawa ketaksamaan yang wujud daripada kemiskinan ini dikatakan akan memberikan semangat kepada mereka yang berada dalam kemiskinan untuk berusaha bersungguh-sungguh untuk keluar daripada kemiskinan (Merton Robert, 1968, p.104). Tetapi teori konflik pula menyatakan bahawa hal ini akan membuatkan golongan miskin untuk membuat pemberontakan untuk keluar dari kelas sosial ini (Steven Vago, 2004, p.60). Walau apa pun keadaan yang berlaku daripada kedua-dua teori ini, tetapi kewujudan ketaksamaan sosial antara golongan miskin dan golongan berada adalah realiti sosial yang berterusan sehingga hari ini. Dengan ini dapatlah dikatakan bahawa kemiskinan adalah ketaksamaan sosial yang realiti.

5.5. Kelas Dalam Perkahwinan

Perkahwinan pada umumnya dapatlah ditafsirkan sebagai suatu perjanjian antara lelaki dan perempuan untuk hidup bersama dengan membina institusi keluarga berdasarkan nilai cinta antara satu sama lain (Mary Esanbor, 2010, p.14). Secara saintifik, perkahwinan adalah penting kepada seseorang individu bagi menjaga kestabilan mental, psikologi, kesihatan dan memenuhi kehendak seks (Blankenhorn, 2001, p.1). Perkahwinan adalah sesuatu yang asas dalam pembentukan institusi masyarakat dan komuniti yang sihat kerana perkahwinan mewujudkan keluarga dan membuka ruang kepada kelahiran anak yang meneruskan rantai kehidupan manusia (Myles Munroe, 2005, p.15).

Perkahwinan juga dikatakan sebagai suatu titik perubahan yang membawa manusia kepada suatu kehidupan yang baru. Hal ini juga dikatakan sebagai suatu ikatan yang suci. Perkahwinan dirujuk dengan istilah '*thirumanam*' dalam bahasa Tamil. Ia adalah gabungan dua perkataan iaitu *thiru* dan *manam*. Istilah '*thiru*' membawa maksud unsur ketuhanan dan '*manam*' adalah bersatu hati. Justeru itu, '*thirumanam*', dapat ditafsirkan sebagai penyatuan insan bersifat ketuhanan (Rajantharan, 1994, p.72).

Perkahwinan biasanya terhasil dalam dua bentuk iaitu perkahwinan yang diatur dan perkahwinan cinta. Perkahwinan cinta pula adalah terhasil daripada pemahaman dan cinta antara dua orang insan. Manakala perkahwinan yang diatur adalah suatu set perkahwinan

yang diaturkan oleh keluarga kepada anak mereka mengikut tradisi kehidupan mereka (Ashutosh Rai, 2009, p.70).

Perkahwinan ini lebih berkaitan dengan aspek sosiologi kerana hal ini membawa implikasi kepada keluarga, saudara mara, kaum dan juga bangsa. Dalam kalangan orang India, pelbagai unsur seperti kasta, astrologi, kedudukan ekonomi, pendidikan, agama, dan sebagainya dipertimbangkan dalam usaha melangsungkan perkahwinan antara dua insan (Guna, 2006, pp.212-215). Dalam hal ini kedudukan kelas sosial juga turut dipertimbangkan dalam perkahwinan orang India. Dalam bahagian ini aspek kedudukan kelas sosial dikaji untuk menentukan kepentingan kelas dalam perkahwinan orang India yang turut mempengaruhi kelas sosial seseorang Individu.

5.5.1. Maklumat Aspek Kelas Dalam Perkahwinan dalam FFTM

Kajian menunjukkan bahawa hanya dua buah filem iaitu *Uyir*, *Ethirkalam* dan *Vajram* memuatkan maklumat mengenai aspek kelas dalam perkahwinan. Dalam sebuah adegan filem *Uyir*, watak Nitya digambarkan meminta teman lelakinya Arvind supaya berjumpa dengan ayahnya untuk membincangkan tentang hal perkahwinan mereka. Tetapi Arvind pula menyatakan bahawa dirinya masih seorang pelajar di kolej dan belum ada sebarang punca pendapatan untuk membincangkan hal perkahwinan dengan ayah Nitya (00.20.45).

Dalam filem *Ethirkalam* pula, rakan-rakan Kathir digambarkan menasihati Kathir (wira) supaya jangan jatuh cinta pada Jenifer kerana beliau adalah daripada golongan yang kaya, manakala Kathir adalah daripada keluarga sederhana (00.27.34).

Keadaan yang sama digambarkan dalam filem *Vajram*. Dalam filem ini watak Surya dan Jasmin adalah bercinta antara satu sama lain. Manakala emak Jasmin tidak menerima cinta mereka kerana Surya adalah tidak sama taraf dengan kedudukan ekonomi mereka (00.51.40). Dalam sebuah lagi adegan, watak makcik Geetha juga digambarkan membincangkan perkara yang sama pada emak Surya. Beliau menyatakan bahawa Jasmin adalah dari keluarga yang kaya dan mereka tidak mungkin akan bersetuju mengahwinkan Jasmin dengan Surya (00.36.17). Dalam adegan yang lain, abang Jasmin digambarkan menyuruh Surya supaya melupakan adiknya kerana mereka merancang untuk mengahwinkan Jasmin kepada seorang yang kaya (00.44.15).

5.5.2. Analisis

Daripada penelitian terhadap adegan-adegan dalam FFTM, didapati aspek kedudukan ekonomi memainkan peranan penting dalam perkahwinan orang India di Malaysia. Pada umumnya perkahwinan dalam kalangan orang India adalah bukan sahaja dilihat sebagai

majlis ataupun perikatan perjanjian antara insan untuk hidup bersama tetapi melihat hal ini sebagai suatu perkara yang paling utama dalam kehidupan mereka. Sebab itulah wujudnya pepatah Tamil '*thirumanam sorgathil nichayikka padugirathu*', yang membawa maksud perkahwinan adalah diputuskan di syurga (Rajantharan & Manimaran, 1994, p.72).

Individu biasanya dikatakan akan mendapat kesedaran kelas sosial apabila menyedari tentang kepentingannya (Berry, 1974, p.154). Berdasarkan pandangan ini perkahwinan dapatlah dikatakan sebagai suatu perkara yang memberikan kesedaran tentang kedudukan kelas sosial dalam kalangan orang India kerana hal ini menggambarkan ketaksamaan sosial dalam kalangan masyarakat.

Dalam perkahwinan orang India, kedudukan ekonomi juga dirujuk sebagai salah satu kriteria dalam usaha menentukan jodoh dalam perkahwinan. Hal ini adalah suatu aspek sosiologi dalam kalangan mereka yang wujud sejak zaman awal lagi (Thatchinamurthy, 2001, p.149). Biasanya masyarakat India merestui pengantin dengan menyatakan bahawa biar pasangan ini mendapat enam belas kurniaan mulia dalam kehidupan mereka. Ini termasuklah pendidikan, jangka hayat yang panjang, persahabatan yang setia, kemewahan dengan harta benda, keadaan muda yang berkekalan, kesihatan, hati yang tabah, isteri yang sentiasa sayang, anak, reputasi, berpegang pada janji, sifat menderma, hidup di negara yang mempunyai raja / kerajaan yang adil, kehidupan tanpa kesengsaraan, sifat bersyukur pada Tuhan dan persahabatan dengan orang alim (*Thirukadavur Abirami Pathigam*, 1: 1-12) Dalam pada ini, kekayaan juga dirujuk sebagai salah satu aspek yang penting dalam

kehidupan kerana harta benda inilah yang akan mengelakkan masalah kemiskinan dalam kehidupan berkeluarga.

Selain itu, harta benda atau pendapatan yang dimiliki ini bukan sahaja penting untuk mengendalikan institusi keluarga yang bahagia tetapi juga memainkan peranan penting dalam kehidupan sosial masyarakat India. Agama Hindu menentukan empat tahap yang bakal dilalui oleh manusia. Ini termasuklah *brammachariya* (alam pembujangan / belajar), *grahasta* (alam berkhawin dan berkeluarga), *vanaprahastya* (warga tua) *sannyasa* (orang alim) (Sivapalan, Rajantheran & Rajakrishnan, 2004, p.254). Dalam pada tahap-tahap ini, *grahasta* dikatakan sebagai tahap yang begitu penting kerana mereka yang berada pada tahap ini dipertanggungjawabkan untuk menjaga dan memenuhi keperluan dan kehendak mereka yang berada pada ketiga-tiga tahap yang lain (*Thirukkural*, 41). Ekonomi memainkan peranan penting untuk memenuhi tanggungjawab tersebut. Oleh yang demikian, memilih menantu yang dapat memenuhi keperluan ketiga-tiga golongan yang lain melalui ekonomi juga turut dilihat sebagai suatu kriteria yang penting dalam perkahwinan orang India.

Jika dilihat pada kehidupan masyarakat awal, mereka telah melangsungkan perkahwinan dengan golongan ekonomi yang setaraf dengan mereka (Thatchinamurthy, 2001, p.149). Hal ini dapat jelas kelihatan dalam epik *Silappathikaram*. Dalam epik tersebut ayah Kannagi (seorang pedagang) telah digambarkan mengahwinkan anaknya dengan Kovalan yang juga merupakan seorang pedagang yang sama taraf dengan beliau

dalam industri perniagaan dan juga dari segi ekonominya (Durai Rajaram, 2003, pp.19-20). Hal ini menunjukkan bahawa masyarakat pada zaman awal juga telah menitikberatkan kedudukan kelas sosial dalam menentukan jodoh.

Kriteria ini adalah senang untuk diuruskan dalam perkahwinan yang diaturkan. Ibu bapa biasanya menghadapi masalah kelas sosial dalam melangsungkan perkahwinan cinta. Sebab itulah pada masa kini kebanyakan ibu bapa didapati tidak bersetuju dengan perkahwinan cinta anak-anak mereka (KumaraSamy Thannimalai, 2011, p.46). Ini bukannya bermaksud bahawa masyarakat India adalah golongan yang bertentangan dengan perkahwinan cinta. Puisi yang terhasil pada zaman sangam (300sm-300m) dibahagikan berdasarkan dua tema besar iaitu *agam* dan *puram*. Dalam pada ini, *agam* adalah merujuk kepada isu percintaan sebelum dan selepas perkahwinan manakala *puram* pula merujuk kepada hal-hal selain cinta (Varatharasan, 1992, pp.29-30). Apabila dirujuk pada puisi-puisi yang bertemakan *agam*, ia juga menunjukkan beberapa penentangan yang wujud dalam percintaan antara anak mereka. Tetapi ada juga digambarkan menerima cinta mereka (Thatchinamurthy, 2001, pp.149-153).

Tetapi pada zaman moden ini secara keseluruhannya dapatlah dikatakan bahawa ibu bapa India biasanya tidak merestui perkahwinan cinta. Kumarasamy Thannimalai (2011, p.46) dalam sebuah kajian Ijazah Sarjana Sastera tentang masyarakat India Malaysia menyatakan bahawa kebanyakan orang India didapati lebih mementingkan kedudukan

ekonomi, kekayaan, martabat, kasta dan kedudukan sosial dalam pemilihan jodoh kepada anak-anak mereka.

Manakala, Susan Oorjitham (1979, pp.127-130) pula turut menyatakan pandangan yang sama dalam disertasi Ijazah Sarjananya yang berkaitan dengan kelas pekerja dan sistem keluarga masyarakat India Malaysia. Dalam kajian tersebut beliau menyatakan bahawa majoriti perkahwinan dalam kalangan masyarakat India Malaysia adalah perkahwinan yang diaturkan oleh ibu bapa mereka. Kebanyakan daripada mereka didapati tidak bersetuju dengan perkahwinan cinta.

Kemiskinan adalah musuh utama kepada cinta dalam kalangan orang India kerana ibu bapa menitikberatkan tentang kehidupan anak-anak mereka khususnya anak perempuan (Kalaivani Palaney, 2011, p.76). Situasi inilah yang digambarkan dalam filem *Vajram* di mana ibu dan abang Jasmin daripada golongan kaya tidak menerima cinta antara Jasmin dan Surya kerana Surya adalah dari kelas ekonomi sederhana. Manakala dalam filem *Ethirkaalam* pula, rakan-rakan Kathir digambarkan menasihati Kathir supaya jangan jatuh cinta dengan Jenifer kerana beliau adalah daripada golongan kaya dan Kathir pula daripada keluarga yang miskin.

Kepentingan kedudukan ekonomi dalam perkahwinan orang India bukannya diertikan sebagai kehidupan yang kaya-raya ataupun memiliki harta benda yang banyak.

Tetapi ibu bapa dalam kalangan orang India didapati mengharapkan menantunya (lelaki) sekurang-kurangnya memiliki kerja yang tetap untuk menjaga keluarganya. Mereka yang tidak mempunyai kerja yang tetap dianggap sebagai individu yang tidak stabil dalam kehidupannya (Susan Oorjitham, 1979, pp.130-136). Hal inilah dipaparkan dalam filem *Uyir*, di mana watak Kathir digambarkan sebagai seorang pelajar dan masih belum masuk ke alam pekerjaan. Oleh yang demikian beliau digambarkan tidak berani untuk berjumpa dengan ayah Niyta untuk membincangkan tentang hal percintaan atau perkahwinannya.

Sebenarnya isu ekonomi dalam perkahwinan dan mendirikan rumah tangga adalah dilihat sebagai perkara yang penting. Hal ini kerana kedudukan ekonomi memainkan peranan penting dalam menguruskan sesuatu keluarga. Menurut Jabatan Perangkaan Malaysia, bilangan perkahwinan dalam kalangan masyarakat Malaysia adalah meningkat (*Buletin Perangkaan Sosial Malaysia*, 2013, p.33). Pada masa yang sama bilangan penceraian juga didapati semakin meningkat.

Jadual 5.15: Bilangan penceraian orang Islam dan bukan Islam di Malaysia dari tahun 2007-2012.

Tahun	Penceraian Orang Islam	Penceraian Orang Bukan Islam	Jumlah
2007	21,140	5,816	26956
2008	22,800	6,573	29373
2009	27,891	8,777	36668
2010	28,035	9,245	37280
2011	27,355	7,759	35114
2012	29,253	9,020	38273

Sumber: *Buletin Perangkaan Sosial Malaysia*. 2013, p.33 & *Perangkaan Sosial Terpilih*, 2006, p.7.

Jadual di atas menggambarkan peningkatan bilangan penceraian dalam kalangan masyarakat Malaysia sejak tahun 2007 hingga 2012. Pelbagai sebab dikemukakan untuk

kejadian ini. Dalam pada itu faktor ekonomi juga turut dirujuk sebagai punca kepada masalah penceraian.

Sebuah kajian yang telah dilakukan terhadap institusi perkahwinan masyarakat India menunjukkan bahawa masalah kedudukan ekonomi dalam keluarga India dilihat sebagai salah satu punca utama kepada berlakunya penceraian dalam kalangan mereka. Hal ini lebih ketara kelihatan dalam kalangan pasangan yang berkahwin cinta. Mereka yang tidak memberi perhatian tentang kepentingan kedudukan ekonomi dan hanya memberikan keutamaan terhadap cinta didapati menghadapi masalah ini dalam kehidupan mereka. Apabila menghadapi masalah ekonomi dalam rumah tangga, mereka dikatakan tergesa-gesa mengambil keputusan untuk bercerai (Guna, 2006, pp.256-259).

Secara kesimpulannya dapatlah dikatakan bahawa aspek kelas sosial memang menjadi salah satu ciri yang wujud dalam perkahwinan orang India Malaysia. Manakala kedudukan kelas sosial ini pula membentuk ketaksamaan sosial dalam kalangan mereka khususnya dalam isu perkahwinan. Kedudukan kelas sosial ini juga dilihat sebagai suatu cabaran besar dalam perkahwinan cinta. Walaupun motif ibu bapa yang menitik berat tentang kedudukan kelas sosial dalam perkahwinan adalah demi masa depan anak-anak mereka, tetapi unsur ini tetap melahirkan ketaksamaan sosial dalam kalangan masyarakat India Malaysia.

5.6. Kesimpulan

Aspek kelas dalam bahagian ini adalah diteliti berdasarkan pencapaian kedudukan ekonomi dalam kehidupan sosial kelompok masyarakat India Malaysia. Secara keseluruhannya dapatlah dikatakan bahawa FFTM telah menggambarkan ketaksamaan sosial masyarakat India Malaysia dari segi kedudukan ekonomi mereka. Kedudukan kelas sosial masyarakat yang menjadi pekerja biasa, pekerja berpendidikan tinggi dan peniaga adalah jelas digambarkan berdasarkan kelas kehidupan mereka. Kepentingan pendidikan dalam usaha mengubah kedudukan sosial ini walaupun kurang diberi penekanan dalam FFTM, tetapi hal ini juga diangkat berdasarkan pemikiran orang India Malaysia.

Manakala perbezaan kelas sosial antara golongan kaya dan miskin juga didapati digambarkan dengan jelas. Tiga aspek utama iaitu pakaian, pengangkutan dan tempat tinggal secara langsungnya menggambarkan perbezaan yang wujud dari segi taraf kehidupan antara golongan miskin dan golongan kaya. Manakala orang miskin yang ingin menikmati kehidupan kaya dan pandangan serta layanan orang kaya terhadap orang miskin juga menunjukkan kewujudan ketaksamaan sosial dalam kalangan mereka.

Selain itu, peranan kelas dalam perkahwinan juga didapati digambarkan dengan jelas dalam FFTM. Walaupun perkara ini hanya dipaparkan dalam dua buah filem sahaja,

tetapi dialog-dialog yang telah digunakan menjelaskan peranan kelas sosial yang menjadi penghalang dalam perkahwinan khususnya dalam perkahwinan cinta.

Secara keseluruhannya kesemua aspek-aspek yang digambarkan dalam FFTM yang berkaitan dengan kelas sosial masyarakat India Malaysia adalah menunjukkan kewujudan ketaksamaan sosial dalam kalangan mereka. Walaupun keinginan para penerbit bukanlah untuk mengangkat unsur-unsur ketaksamaan sosial dalam FFTM mereka, tetapi hal ini tetap dapat diperhatikan secara langsung dan tidak langsung dalam FFTM.